# Masjid lebih imarah sejak 2008

MS 11



# P. Pinang terus tarik pelabur

MS 19



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 - 28 FEBRUARI, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Pulau Pinang lancar kempen Saya ❤ Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**




**KETUA Menteri dan barisan Exco Kerajaan Negeri menunjukkan plakad tertera ungkapan 'Saya ❤ Pulau Pinang' pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 8 Februari lalu membuat keputusan untuk meneruskan kempen 'Saya ❤ Pulau Pinang'.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkannya berkata, kempen berkaitan dilancarkan bagi 'menyelamatkan' negeri Pulau Pinang daripada menjadi Wilayah Persekutuan (WP).

"Kita semua perlu selamatkan Pulau Pinang dengan menyayangi Pulau Pinang.

"Oleh demikian, Mesyuarat Exco hari ini (8 Februari) melancarkan secara rasmi kempen 'Saya ❤ Pulau Pinang' untuk seluruh negeri. (Dan) YB Chow (Kon Yeow, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir) diberi tanggungjawab untuk meneruskan kempen ini," ujarnya di sini.

Hadir sama pada sidang media berkaitan ialah barisan Exco Kerajaan Negeri. Malah, sebagai simbolik kepada pelancaran kempen 'Saya ❤ Pulau Pinang', barisan kepimpinan Kerajaan Negeri turut menunjukkan plakad tertera ungkapan berkaitan dalam empat bahasa.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut membidas tindakan sesetengah pihak yang mempertikaikan kempen berkaitan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang.

"Perlu diingatkan, **apabila Pulau Pinang ditukar menjadi Wilayah Persekutuan (WP), maka rakyat tidak dapat memilih pemimpin sendiri, ahli Exco, Ketua Menteri seperti yang terjadi kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan (WP) Labuan.**

**"Sekiranya ini berlaku (menjadi WP), maka hilanglah hak demokrasi dan hak asasi warga Pulau Pinang,"** jelasnya yang menyeru agar semua pihak khususnya warga Pulau Pinang untuk bangkit menyokong kempen 'Saya ❤ Pulau Pinang'.

Sementara itu, pada sidang media berasingan, Guan Eng menyatakan bahawa hasrat Menteri Wilayah Persekutuan, Tengku Adnan Tengku Mansor untuk menjadikan Pulau Pinang, Pulau Langkawi, Kedah dan sebahagian negeri Melaka sebagai WP bukan sahaja tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, malah perkara langsung tidak pernah dibincangkan.

"Sekiranya kita merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Perkara 1 (2) jelas meletakkan Pulau Pinang sebagai salah sebuah daripada 13 negeri yang terdapat di Malaysia.

"(Dan) Wilayah Persekutuaan disebut dalam Perkara 1(4) yang menyenaraikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, tidak disebut negeri Pulau Pinang pun," jelasnya.

Guan Eng dalam pada itu menegaskan bahawa beliau tidak akan menjual masa depan rakyat dengan menyerahkan Pulau Pinang menjadi WP.

"Bagi Pulau Pinang, memang kami tidak gembira langsung dan tidak mahu serah negeri menjadi Wilayah Persekutuan (WP).

"Kerajaan Persekutuan mana ada wang... peruntukan RM50 juta untuk sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang dijanjikan tahun lepas (2016) sehingga kini pun tidak diberikan lagi.

"(Dan) saya tidak akan jual masa depan rakyat Pulau Pinang dengan menyerahkan negeri sebagai Wilayah Persekutuan (WP), dan sekiranya ingin menjadikan Pulau Pinang sebagai Wilayah Persekutuan (WP)...mereka (Tengku Adnan dan Kerajaan Persekutuan) perlu persetujuan daripada Kerajaan Negeri.

"(Dan) saya nyatakan sekali lagi dengan tegas, tanpa keraguan, tidak...tidak akan 'serah' Pulau Pinang," tegas beliau.

Terdahulu, Tengku Adnan menyatakan hasratnya sempena Sambutan Hari Wilayah, 1 Februari lalu, untuk menjadikan Pulau Pinang, Pulau Langkawi dan sebahagian negeri Melaka sebagai WP.

Kenyataan sebagai dipetik melalui *Malay Mail Online* bertajuk, '*Tengku Adnan hopes to expand Federal Territories to Penang, Langkawi and parts of Malacca*', menyatakan bahawa penyertaan Pulau Pinang, Pulau Langkawi dan Melaka sebagai Wilayah Persekutuan akan membolehkan ketiga-tiga negeri berkaitan menerima peruntukan dan perhatian yang lebih daripada Kerajaan Persekutuan.

**Nota:**

Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Bahagian I, Perkara 1 (2) menyatakan : -

- Negeri – Negeri Persekutuan terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

Manakala, Perkara 1(4) menyebut : -

- Wilayah bagi Negeri Selangor tidaklah termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1973 [Akta A206] dan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 [Akta A1095] dan wilayah bagi Negeri Sabah tidaklah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan)(No. 2) 1984 [Akta A585] dan kesemua Wilayah Persekutuan tersebut hendaklah menjadi wilayah-wilayah Persekutuan.

# Rumah Terbuka Tahun Baru Cina KM meriah, muhibah



**DR. Abdul Rahman Abbas diiringi Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan acara *lor sang* pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2017 Ketua Menteri di sini baru-baru ini.**



**BETTY Chew Gek Cheng (kanan sekali) menyampaikan angpau kepada salah seorang pengunjung cilik.**

**TRADISI...** Hampir 25,000 tetamu terdiri daripada masyarakat berbilang kaum hadir di *Subterranean Penang International Convention & Exhibition Center* (SPICE) bagi bersama menyambut Tahun Baru Cina bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri.

Hadir sebagai tetamu kehormat, Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Turut memenuhi jemputan, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd, Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Guan Eng dan isteri, Betty Chew Gek Cheng menjadi tumpuan orang ramai yang mana para pengunjung termasuk kanak-kanak tidak melepaskan peluang bergambar bersama-sama mereka. Tidak terkecuali barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain.

Selain pemberian limau mandarin sebagai acara tradisi, para pengunjung turut disajikan dengan pelbagai menu sajian makanan dan persembahan kebudayaan serta nyanyian menarik.

Malah, pengunjung cilik turut menerima angpau daripada Gek Cheng.

# Pupuk budaya sihat, KN akan bantu penjawat awam terjebak pinjaman ah long – KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng akan membantu kakitangan Kerajaan Negeri yang terlibat hutang dengan ah long, supaya memulangkan jumlah pinjaman 'pokok' sahaja.

Mengulas lanjut, beliau berharap inisiatif tersebut dapat mengelakkan pihak ah long daripada membuat pinjaman kepada penjawat awam negeri ini.

"Yang penting adalah keadaan ekonomi agak gawat dan semua terdesak kerana wang tak cukup, maka, kita akan bantu pegawai kerajaan.

"Sekiranya mereka pinjam daripada ah long, kita akan pastikan mereka bawa jumlah pinjaman pokok sahaja, biar ah long tak beri pinjaman kepada pegawai kerajaan kerana hanya dapat pokok pinjaman sahaja," katanya pada sesi ucapan dan sidang media Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Bercakap kepada pemberita, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus menyatakan bahawa pihaknya telah mengarahkan semua ketua jabatan supaya menyemak semua rekod pemotongan pinjaman atas penyata gaji, khususnya mereka yang meminjam lebih 60 peratus daripada kadar gaji pokok.

"Sebenarnya pada ketika ini, saya nak maklum kepada semua ketua jabatan supaya meneliti semua pegawai-pegawai daripada gred terendah hingga tertinggi.

"Bagi pinjaman melebihi 60 peratus daripada gaji pokok, ini adalah kumpulan-kumpulan yang berisiko terjebak dengan pinjaman ah long.

"Kita sudah minta kumpulan ini disenaraikan dan kalau perlu dibuat konsultansi satu persatu dengan integriti yang tinggi, iaitu ketua pegawai sendiri diminta bertanya (sendiri) kepada mereka berkenaan (mengenai sumber) kewangan mana yang lain untuk menampung jumlah pemotongan hutang dihadapi ini.

"Maka, saranan yang berhormat Ketua Menteri tadi akan kita perincikan, bentuk bagaimana bantuan yang patut dilakukan oleh Kerajaan Negeri," ujar Farizan.



# KM puji Pusat Haemodialisis CAT Masjid At-Taqwa buka pintu kepada semua

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



DR. Abdul Rahman Abbas (barisan depan, dua dari kanan) diiringi Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri melawat salah seorang pesakit yang menerima rawatan di Pusat Haemodialisis CAT Masjid At-Taqwa pada majlis pembukaannya di sini baru-baru ini.

**BERTAM -** Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas sendiri menyempurnakan acara perasmian pembukaan Pusat Haemodialisis CAT, kendalian Persatuan Kebajikan Masjid At-Taqwa dekat Tamam Bertam Indah di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap memuji keterbukaan jawatankuasa kariah masjid membuka pintu masjid kepada bukan Islam untuk turut menerima rawatan berwajib secara berkala di sini.

Katanya, **keterbukaan itu bukan sahaja menyerlahkan maksud Islam Rahmat Ke Seluruh Alam kepada semua pihak, bahkan mampu menghakis fahaman rasis dan melampau yang ditajamkan oleh pihak pembangkang.**

**"Saya memuji Jawatankuasa Kariah Masjid At-Taqwa yang membuka pintu kepada semua pesakit tak kira bangsa, agama dan latar belakang.**

**"Ini sama sekali menolak fitnah-fitnah pihak tertentu yang nak memberikan gambaran Islam atau masjid yang tidak baik,**" ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada majlis berkaitan.

Beliau yang juga Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP) Kebangsaan memberitahu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM1.8 juta bagi kerjasama selama tiga tahun sehingga 2018 dengan Pusat Haemodialisis CAT Masjid At-Taqwa dekat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan *MAA Medicare Dialysis Centre* dekat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), agar pesakit yang tidak berkemampuan berpeluang mendapatkan rawatan berjadual di kedua-dua daerah tersebut.

Sebelum itu, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu, bayaran dikenakan serendah RM110 bagi setiap sesi rawatan adalah kerana Kerajaan Negeri menanggung kos RM30 lagi secara subsidi kesihatan.

Menurut Afif, beliau bersetuju dengan Guan Eng bahawa usaha mereformasikan bidang perubatan di Pulau Pinang ke taraf antarabangsa dengan menjadikan negeri ini sebagai bandar perubatan akan lebih bermakna apabila semua penduduk, khususnya golongan yang tidak berkemampuan berpeluang mendapatkan rawatan sewajarnya.

Manakala, Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid At-Taqwa, Datuk Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman merakamkan penghargaan atas pemberian sumbangan Kerajaan Negeri berupa lima buah mesin dialisis berharga RM222,500 di Pusat Haemodialisis CAT Masjid At-Taqwa.

Dan kini, tambahnya, dalam proses mendapatkan lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Kini, seramai 34 pesakit mendapatkan rawatan dialisis dalam tiga pusingan, setakat ini kita sudah ada menerima seorang pesakit berbangsa Cina dan seorang pesakit berbangsa India," jelas beliau.

## Hal pelantikan mufti, tiada sebarang campur tangan KM - Malik

**GEORGE TOWN -** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim menyifatkan kenyataan dikeluarkan Ketua Pemuda PAS Pulau Pinang, Afnan Hamimi Taib Azamudden baru-baru ini merupakan fitnah dan berniat jahat terhadap Ketua Menteri.

Kata Abdul Malik, Afnan Hamimi menuduh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng tidak menyambung kontrak bekas Mufti, Datuk Seri Hassan Ahmad disebabkan isu fatwa kalimah Allah, selain kononnya kerana membantah arahan Ketua Menteri bahawa semua fatwa perlu dimaklumkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).

"Tuduhan itu fitnah dan berniat jahat terhadap Ketua Menteri.

"Sebagai seorang yang memahami ajaran Islam dan hukum-hakam, beliau sepatutnya memahami dosa fitnah.

"Fatwa kalimah Allah bersama 39 kalimah suci Islam yang lain, diwartakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 29 April 2010, iaitu sewaktu Datuk Seri Hassan masih sebagai Mufti Pulau Pinang.

"Dato' Dr. Wan Salim mengambil alih jawatan Mufti daripada Datuk Seri Hassan pada 7 Jun 2014, iaitu selepas empat tahun pewartaan kalimah Allah oleh Kerajaan Negeri.

"Dalam tempoh empat tahun, Datuk Seri Hassan telah disambung kontraknya pada setiap tahun iaitu sebanyak empat kali," katanya pada sidang media di sini sambil merujuk kepada kenyataan media beliau bertarikh 4 Februari 2017.

Menurut Abdul Malik, sebenarnya kebanyakan urusan untuk memartabatkan hal ehwal agama Islam di Pulau Pinang, beliau mendapat nasihat terus daripada Ketua Umum Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Hal pelantikan Mufti, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) dan Ahli Majlis MAINPP disyor serta diluluskan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim (Anwar).

"Tidak ada sebarang campur tangan oleh Ketua Menteri, Lim Guan Eng," tegasnya.

Tambah Abdul Malik, sepertimana dijelaskan Mufti Pulau Pinang kini, Sahibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor sebelum ini, bahawa Exco dan Kerajaan Negeri tidak pernah mencampuri urusan fatwa atau menghalang sebarang pewartaan fatwa.

"Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk memanjangkan polemik yang tidak berasas ini.

"Sebagai seorang bergelar ustaz, Afnan (Hamimi) tidak sewajarnya membuat tuduhan semberono terhadap Kerajaan Negeri, meskipun tohmahan itu ditujukan kepada pemimpin bukan Islam. Allah melarangnya," jelas beliau.

Islam Rahmatun Lil Alamin,
Islam Rahmat Seluruh Alam,
Islam Rahmat Untuk Semua.



ABDUL Malik Abul Kassim.

*(Juga rujuk muka 15)*

# Pusat konvensyen SPICE terima majlis pertama pada Mac

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



**CHOW Kon Yeow dan barisan kepimpinan MBPP ketika dibawa meninjau dewan konvensyen SPICE pada sesi lawatan delegasi berkaitan di sini baru-baru ini.**

**BAYAN BARU –** Pemaju, Kumpulan SP Setia Bhd. (SP Setia) menyasarkan kerja-kerja pembinaan pusat konvensyen *Subterranean Penang International Conference & Exhibition Center* (SPICE) yang kini dalam fasa akhir akan siap sepenuhnya pada Februari 2017.

Perkara tersebut dimaklumkan pada sesi taklimat sempena lawatan kerja Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ke tapak projek pada 23 Februari lalu.

Kon Yeow berkata, kerja-kerja pembinaan pusat konvensyen SPICE membabitkan kos RM330 juta telah memasuki fasa akhir dan majlis pertama bakal diadakan di lokasi berkaitan pada awal Mac 2017.

"Ia (SPICE) siap tepat pada masanya kerana Pulau Pinang kini bukan sahaja merupakan destinasi tumpuan pelancong, malah juga lokasi MICE (mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran).

"SPICE akan menjadi ikon terbaru untuk Pulau Pinang dengan bercirikan reka bentuk moden dan terkini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada sesi lawatan berkaitan.

Turut serta, barisan kepimpinan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) iaitu Datuk Bandar, Dato' Patahiyah Ismail dan Setiausaha Bandaraya, Ar. Yew Tung Seang.

Komponen SPICE terbahagi kepada dua fasa pembangunan, iaitu fasa pertama merangkumi pusat konvensyen bernilai RM330 juta dan fasa kedua, pembinaan hotel bertaraf empat bintang (RM350 juta) yang dijangka siap sepenuhnya pada 2019.

Mengulas mengenai kelewatan projek dari tarikh dijadualkan pada penghujung November lalu, Kon Yeow dalam responsnya menyatakan bahawa, meskipun lewat, beliau berpuas hati terhadap perjalanan dan perkembangan projek tersebut.

"Kita (Kerajaan Negeri) boleh faham tentang kelewatan ini kerana kerja-kerja di tapak masih berjalan lancar," ujarnya.

Dalam pada itu, ketika diaju mengenai kesesakan lalu lintas yang berlaku di sekitar kawasan SPICE, Kon Yeow menjelaskan, beberapa perancangan sedang dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut.

"Kerajaan Negeri mempunyai beberapa perancangan dan pelan pengurusan trafik.

"Antara penyelesaian jangka panjang, sebuah *underpass* (laluan bawah) akan dibina berdekatan kawasan bulatan Bayan Baru dan juga perancangan untuk membina stesen LRT (*light rail transit*) yang tertakluk kepada kebenaran Kerajaan Pusat.

"Pada masa sama, pihak Majlis akan terus memantau keadaan trafik di sini (Bayan Baru dan Relau), beberapa penyesuaian dan pelarasan boleh dilakukan mengikut kesesuaian dengan keadaan semasa," jelas beliau.

# P. Pinang 9 tahun berturut-turut paling awal hantar penyata kewangan tahunan



**FARIZAN Darus.**

**GEORGE TOWN -** Sembilan tahun berturut-turut, Pulau Pinang direkodkan sebagai Kerajaan Negeri paling awal menghantar laporan serta penyata tahunan kewangan kepada Kerajaan Pusat.

Ketika mengumumkan perkara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus memuji kecekapan Jabatan Kewangan Negeri (JKN), yang baginya melonjakkan lagi imej Pulau Pinang di Malaysia.

"Pulau Pinang merupakan Kerajaan Negeri paling awal untuk sembilan tahun berturut-turut yang mengemukakan Penyata Kewangan di Malaysia," ucapnya dalam Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang Bersama-sama Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Menurut Farizan, Jabatan Kewangan Negeri serta Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) masing-masing direkodkan menerima Sijil Bersih Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Tahun 2015, yang mana JKN adalah merupakan negeri terawal yang mengemukakan Penyata Kewangan di Malaysia.

Dalam perkembangan lain, Farizan memberitahu, sebanyak 39 kes tatatertib melibatkan jabatan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) sepanjang tahun lalu direkodkan.

"Kes-kes yang dilaporkan ini adalah melibatkan kes tidak hadir bertugas iaitu sebanyak 22 kes, mengemukakan cuti sakit palsu (3) dan lain-lain kes (14).

"Seramai 25 orang telahpun dikenakan tindakan buang kerja, manakala, bakinya dikenakan tindakan turun gaji, amaran dan denda.

"Walaupun jumlah ini adalah rendah berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 55 kes dilaporkan, saya mengharapkan agar tiada kes tatatertib yang dilaporkan terhadap anggota perkhidmatan awam negeri pada masa akan datang," ujarnya sambil mengarahkan semua ketua jabatan memainkan peranan masing-masing.

# Program publisiti dan penyertaan awam RSNPP 2020 terima 6,633 maklum balas

**GEORGE TOWN –** Program publisiti dan penyertaan awam bagi Laporan Tinjauan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 yang diadakan semenjak dua bulan lalu menarik sejumlah 6,633 maklum balas dan 23 pandangan bertulis.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, daripada jumlah 6,633 tersebut, 2,906 maklum balas diterima melalui laman sesawang, program taklimat (364) dan pengunjung di tiga lokasi pameran iaitu Komtar, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mencatatkan 3,363.

"Manakala sehingga 31 Januari lalu, pandangan bertulis yang diterima adalah berjumlah 23," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Pulau Pinang, Abd. Talip Abd. Rahim.

Menurut Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, hasil maklum balas tersebut adalah selepas tempoh yang telah tamat pada 31 Januari lalu iaitu selepas melalui lanjutan selama dua bulan mulai 1 Disember 2016.

"Kerajaan Negeri pada November lalu telah melanjutkan masa selama dua bulan atau 62 hari (1 Disember 2016 sehingga 31 Januari 2017) bagi membolehkan semua pihak termasuk orang awam, pemaju, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan dan persatuan seluruh Pulau Pinang terlibat sama untuk memberi maklum balas di dalam perancangan RSNPP 2020 ini.

"Mengikut peruntukan Seksyen 9 (3) Akta Perancangan Bandar dan Desa, sepatutnya segala pandangan dan proses bantahan perlulah dibuat tidak kurang daripada tempoh sebulan dari tarikh pertama notis di dalam surat khabar.

"Oleh itu, mesyuarat Exco yang diadakan pada 25 Januari lalu telah membuat keputusan bahawa tidak akan melanjutkan lagi tempoh tersebut sepertimana yang diminta oleh beberapa NGO baru-baru ini," jelasnya.

Bagaimanapun, menurut Jagdeep, mereka (NGO) masih boleh berbuat demikian mengikut Seksyen 11B (3) Akta Perancangan Bandar dan Desa iaitu pada peringkat berikutnya, semakan Rancangan Struktur Negeri.

"Peringkat ini adalah lebih kritikal yang mana pihak-pihak berkaitan boleh mengemukakan pandangan masing-masing kerana ia merupakan penghubung kepada Draf Rancangan Struktur Negeri sebelum dimuktamadkan," ujarnya.




**JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) dan Abd. Talip Abd. Rahim (kiri sekali) menunjukkan Laporan Tinjauan RSNPP 2020 pada sidang media di sini baru-baru ini.**

# Pentadbiran CAT & kepimpinan bersih membolehkan 1.7 juta rakyat Pulau Pinang jimat RM55.19 juta

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Sejumlah 200,000 pemilik unit hartanah lain termasuk hartanah komersial di bahagian pulau Pulau Pinang bakal menikmati rebat 6 peratus cukai pintu bagi tahun 2017.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam satu sidang media berkata, **rebat pengurangan tersebut adalah respons kepada bantahan terhadap Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dikenakan Kerajaan Pusat sejak April 2015.**

**"Pengurangan dan rebat (cukai pintu) ini adalah respons Kerajaan Negeri kepada GST.**

**"Kita menentang GST sama sekali.**

**"Oleh kerana mereka (Kerajaan Pusat) angkat (kenakan) GST enam peratus, maka kita (Kerajaan Negeri) berikan diskaun enam peratus semula kepada rakyat melalui rebat pengurangan cukai sebagai inisiatif untuk mengurangkan beban kewangan rakyat Pulau Pinang,**" ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Dato' Patahiyah Ismail (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP); Ar. Yew Tung Seang (Setiausaha Bandaraya MBPP) dan Joseph Ng Soon Siang (Ahli Majlis MBPP).

Menurut Guan Eng, potongan 6 peratus tersebut akan memberikan penjimatan kepada pemilik unit hartanah termasuk hartanah komersial di bawah MBPP sebanyak RM11,829,732.70.

"Malah, bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), ia membabitkan jumlah RM9,907,892. Ini bermakna, beban kewangan yang terpaksa ditanggung kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) adalah sebanyak RM21.74 juta," jelasnya.

Tambah Guan Eng, sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang berjiwa rakyat, pengecualian 100 peratus cukai pintu 2017 turut diberikan kepada semua penghuni kos rendah (LC), kos sederhana rendah (LMC) dan rumah kampung/bertanah.

"Pengecualian cukai ini sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan yang dapat dimanfaatkan oleh pemilik LC, LMC dan rumah kampung adalah sebanyak RM14,093,705.78 bagi kedua-dua PBT," jelasnya sambil menyatakan bahawa cukai pintu 2017 yang sepatutnya dikutip oleh MBPP ialah RM8,058,628.78 dan RM6,035,077 (MPSP).

"Difahamkan, sejumlah 47,500 unit LC dan 29,290 (LMC) menerima manfaat berkenaan," ujarnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu bahawa, selain pengecualian cukai tersebut, Kerajaan Negeri juga terpaksa menanggung bebanan GST yang dianggarkan kira-kira RM46.2 juta setahun.

"Kerajaan Negeri telah mengarahkan MBPP dan MPSP untuk menanggung beban GST bagi tahun 2016 sebanyak RM19.36 juta yang tidak akan dibayar oleh rakyat, sebaliknya ditanggung oleh mereka (PBT) sendiri.

"Ini juga kita teruskan untuk tahun ini. Ini bermakna 1.7 juta rakyat Pulau Pinang akan mendapat penjimatan sebanyak RM19.36 juta daripada pembayaran GST ini," kata beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Sebelum itu, sidang media serupa turut diadakan di Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).



Telefon : 60-4-2614424
Fax : 60-4-2613003

PEJABAT KETUA MENTERI
10502 KOMTAR
PULAU PINANG, MALAYSIA

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami :

30 November, 2016

Salam sejahtera,

**PENGECUALIAN CUKAI PINTU UNTUK RUMAH KOS RENDAH, RUMAH KOS SEDERHANA RENDAH DAN RUMAH KAMPUNG/ BERTANAH SERTA PENGURANGAN CUKAI PINTU SECARA AM SEBANYAK 6% BAGI TAHUN 2017 SEBANYAK RM55.19 JUTA**

Kerajaan Negeri amat prihatin dengan bebanan yang ditanggung oleh rakyat berpendapatan rendah dengan keadaan ekonomi yang gawat ekoran skandal 1MDB yang menyebabkan penurunan nilai matawang ringgit secara mendadak, lebih-lebih lagi selepas cukai GST sebanyak 6% dilaksanakan sejak April 2015. Berikutan itu, sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang berjiwa rakyat dan memahami penderitaan rakyat golongan kurang berpendapatan, Kerajaan Negeri akan memberikan pengecualian cukai pintu bagi tahun 2017 kepada semua penghuni rumah kos rendah, rumah sederhana rendah dan rumah kampung/ bertanah.

Pengecualian cukai ini sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan yang dapat dimanfaatkan oleh pemilik rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah kampung adalah sebanyak RM14,093,705.78, di mana cukai pintu yang sepatutnya dipungut pada tahun 2017 oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) ialah RM8,058,628.78 dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sebanyak RM6,035,077.00.

Selain daripada pengecualian cukai yang diberikan sebanyak RM14,093,705.78 ini, Kerajaan Negeri juga terpaksa menanggung bebanan GST yang dianggarkan sebanyak RM46.2 juta setahun. Kerajaan Negeri juga telah mengarahkan MBPP dan MPSP untuk menanggung beban GST untuk tahun 2016 sebanyak RM19.36 juta yang tidak akan dibayar oleh rakyat tetapi ditanggung sendiri oleh MBPP dan MPSP. Ini juga akan diteruskan untuk tahun 2017. Ini bermakna rakyat Pulau Pinang akan mendapat penjimatan sebanyak RM19.36 juta daripada pembayaran GST.

Saya juga ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan memberikan potongan cukai pintu sebanyak 6% untuk semua hartanah lain termasuk hartanah komersil. Potongan 6% ini akan memberikan penjimatan kepada pemilik di kawasan MBPP sebanyak RM11,829,732.70 dan MPSP sebanyak RM9,907,892.00. Potongan 6% cukai pintu ini akan menyebabkan beban kewangan sebanyak RM21.74 juta kepada MBPP dan MPSP.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuktikan bahawa Pulau Pinang boleh mencatatkan lebihan belanjawan tanpa mengenakan GST sekiranya ada tata kelola baik dan sebuah pentadbiran bersih berteraskan Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) diamalkan.

Langkah ini oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mampu menjimatkan 1.7 juta rakyat Pulau Pinang sebanyak RM55.19 juta bagi tahun 2017, hasil urus tadbir CAT dan pengurusan kewangan yang bersih ini membolehkan lebihan belanjawan setiap tahun.

Sekian, terima kasih.

**LIM GUAN ENG**
Ketua Menteri Pulau Pinang

*****Pentadbiran CAT Dan Kepimpinan Bersih Membolehkan 1.7 Juta Rakyat Pulau Pinang Jimat RM55.19 Juta Untuk 2017**

| | | RM Juta |
|---|---|---|
| i) | Pengecualian Cukai Pintu Untuk Pemilik Rumah Kos Rendah, Sederhana Rendah Dan Rumah Kampung | 14.09 |
| ii) | Pengecualian Bayaran GST Untuk Perkhidmatan MBPP Dan MPSP | 19.36 |
| iii) | Potongan Cukai Pintu 6% | 21.74 |
| | | 55.19 |

**SALINAN surat amanat Ketua Menteri kepada rakyat Pulau Pinang berhubung pengecualian dan potongan cukai pintu yang dilaksanakan di negeri ini.**

| | | RM Juta |
|---|---|---|
| i) | Pengecualian Cukai Pintu Untuk Pemilik Rumah Kos Rendah, Sederhana Rendah Dan Rumah Kampung | 14.09 |
| ii) | Pengecualian Bayaran GST Untuk Perkhidmatan MBPP Dan MPSP | 19.36 |
| iii) | Potongan Cukai Pintu 6% (unit hartanah termasuk hartanah komersial) | 21.74 |
| | JUMLAH | 55.19 |

# Isu Pulau Batu Puteh, P. Pinang berdiri bersama Pusat – Guan Eng

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**DATUK KERAMAT –** Kerajaan Negeri akan berdiri bersama Kerajaan Persekutuan berhubung permohonan semakan semula terhadap keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengenai Pulau Batu Puteh atau Pedra Branca, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang tidak akan mempolitikkan hal ehwal luar negara.

"Sudah banyak kali saya nyatakan bahawa kami (pimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) tidak akan sama sekali mempolitikkan hal ehwal luar negara.

"(Dan) dalam hal ini (tuntutan semula Pulau Batu Puteh), kami akan berdiri bersama-sama Kerajaan Pusat untuk mendapatkan semula pulau itu.

"Kami berdiri bersama-sama (Kerajaan Pusat) apabila ia berkaitan kedaulatan dan keselamatan negara," katanya pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat dekat Taman Free School di sini baru-baru ini.



**JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) memberikan sebiji limau mandarin kepada pengunjung cilik Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina KADUN Datuk Keramat anjurannya di sini baru-baru ini.**

Guan Eng dalam pada itu, berharap agar Kerajaan Persekutuan juga akan berbuat demikian terhadap Pulau Pinang dalam memastikan integriti dan entiti kenegerian negeri ini tetap terpelihara sebagai salah sebuah daripada 13 buah negeri di Malaysia.

"Kami tidak akan benarkan negeri Pulau Pinang dihapuskan," tegasnya yang merujuk kepada hasrat Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Wilayah Persekutuan.

Terdahulu, pada 3 Februari, sebagai dipetik melalui portal berita atas talian, *Malaysiakini.com*, Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali dalam satu kenyataan berkata, penemuan tiga dokumen di *National Archives of the United Kingdom* mendorong Kerajaan Persekutuan mengemukakan permohonan semakan semula ke atas Pulau Batu Puteh.

Kini, Kerajaan Persekutuan masih menunggu tarikh pengurusan kes daripada ICJ.

# Penuhi keperluan warga negeri, 65,000 RMM bakal dibina dalam tempoh 10 hingga 15 tahun - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**TELUK KUMBAR –** Sejumlah 65,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) bakal dibina dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang bagi memenuhi permintaan dan keperluan warga negeri Pulau Pinang.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo mengumumkan perkara tersebut pada Majlis Sambutan Tahun Baru Cina M Summit Group yang diadakan di tapak Projek Perumahan Mampu Milik Ramah Pavillion di sini 30 Januari lalu.

Jagdeep berkata, jumlah itu merangkumi keseluruhan unit-unit RMM yang telah dibina secara fizikal kini, akan dibina dan sedang dalam perancangan dibina untuk tempoh 15 tahun akan datang.

**"Semenjak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pemerintahan negeri pada tahun 2008, sejumlah 20,000 RMM Jenis A yang dulu dikenali sebagai kos rendah dan Jenis B (kos sederhana rendah) telah dibina di sini.**

**"Malah sehingga kini, terdapat 14 projek RMM Jenis C (rumah mampu milik) di Pulau Pinang yang baru diperkenalkan, sedang dalam perancangan pembinaan iaitu kira-kira 26,000 unit pelbagai jenis mampu milik.**

**"Justeru, secara rasminya hari ini, saya umumkan dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang, lebih 65,000 unit RMM akan siap di negeri ini hasil kerjasama Kerajaan Negeri dan pemaju swasta,"** ujarnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru) dan Ar. Yew Tung Seang (Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP).

Projek RMM Ramah Pavillion terdiri daripada 759 unit RMM pelbagai saiz bermula dari 800 kaki persegi (kp) sehingga 1,350 kp yang dijual dari harga RM198,000 sehingga RM398,000 di Teluk Kumbar.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, Kerajaan Negeri akan terus mengukuhkan hubungan kerjasama dengan pihak pemaju swasta di Pulau Pinang untuk memastikan pembekalan RMM terus disalurkan kepada warga negeri.

**"Ekoran kegagalan Kerajaan Pusat untuk membekalkan RMM di Pulau Pinang, maka Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang terpaksa bergerak secara sendiri untuk terus membekalkan perumahan mampu milik di sini.**

**"Kita semua maklum Kerajaan Persekutuan mempunyai program perumahan mampu milik seperti PRIMA (Perumahan Rakyat 1Malaysia) yang telah diperkenalkan pada tahun 2012.**

**"Tapi, sehingga hari ini, walaupun ada unit-unit PRIMA dibina di negeri-negeri lain, tapi Kerajaan Persekutuan telah gagal membina walau satu unit pun PRIMA di Pulau Pinang**.

**"Sebab itulah, kita (Kerajaan Negeri) perlu memainkan peranan dan menjalin kerjasama bersama pihak pemaju swasta dalam memastikan RMM terus disalur dan dibina di Pulau Pinang,"** ujarnya.

Guan Eng dan Pengerusi M Summit Group, Datuk Albert Moh turut berucap pada majlis tersebut.

Dalam pada itu, Guan Eng dalam ucapannya turut memuji inisiatif pemaju projek Ramah Pavillion, Tetuan M Summit Group dalam membantu Kerajaan Negeri membekalkan RMM di Pulau Pinang.

"Mereka (M Summit) adalah pemaju perumahan pertama yang membina RMM di sini (Pulau Pinang) dengan GDV (*Growth Development Value*) berjumlah RM185 juta.

"Tentu sahaja mereka (M Summit) boleh menetapkan harga lebih tinggi, tapi mereka lebih memilih untuk menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam membina rumah mampu milik," jelas beliau.



**RUPA bentuk Projek Perumahan Mampu Milik Ramah Pavillion yang sedang giat dibina di Teluk Kumbar.**

# Kejayaan P. Pinang bergantung kepada semua, harap kakitangan awam bantu jelas dasar KN kepada rakyat

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau percaya bahawa kejayaan Kerajaan Negeri hari ini adalah hasil kerjasama padu daripada barisan Exco dan semua 4,718 anggota perkhidmatan awam di sini.

"Kejayaan Pulau Pinang bukan sahaja bergantung kepada seorang ketua menteri atau Exco-Exco Kerajaan Negeri, tetapi juga bergantung kepada mutu perkhidmatan semua kakitangan Kerajaan Negeri dalam menjelaskan dasar-dasar Kerajaan," jelasnya dalam Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang Bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Justeru, Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berharap semua penjawat awam dapat menjelaskan dasar-dasar Kerajaan Negeri yang sebenar kepada rakyat dan bukan sebaliknya.

"Bukan sahaja saya dan barisan Exco, semua anggota penjawat awam pun perlu menjelaskan dasar-dasar Kerajaan Negeri.

"Ada setengahnya bukan sahaja tidak menjelaskan dasar-dasar Kerajaan Negeri, sebaliknya mengutuk Kerajaan Negeri sendiri yang membayar gaji mereka, tetapi kes sebegini semakin berkurangan.

"Yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri, kesetiaan anda tidak boleh dipertikaikan.

"Ingat...kalau tidak boleh setia kepada Kerajaan Negeri, anda tidak harus berkhidmat dengan Kerajaan Negeri," jelasnya.

Turut berucap, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Guan Eng dalam pada itu, turut memuji pasukan pengurusan Farizan yang berjaya mengekalkan rekod Pulau Pinang sebagai Kerajaan Negeri paling awal mengemukakan laporan dan penyata kewangan selama sembilan tahun berturut-turut.

Menurutnya, pengalaman dan kecekapan anggota penjawat awam di Pulau Pinang ketika ini menyebabkan setengah pihak melihat Kerajaan Negeri sebagai 'Mini Putrajaya'.



**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan selepas tamat Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Pulau Pinang Bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.**

# Hospital mesra ibadah & patuh syariah, Exco bidas kenyataan Timbalan Menteri

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**



**DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) dan Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kanan) pada sidang media khas di sini baru-baru ini.**

**PANTAI JEREJAK -** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin membidas kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya pada 4 Februari 2017 yang dianggapnya tidak memahami perbezaan di antara hospital mesra ibadah dan hospital patuh syariah.

Katanya, Hilmi hanya mengeluarkan pendapat berasaskan pandangan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tanpa merujuk kepada pensijilan patuh syariah MS 1900 2014 dikeluarkan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

"Dia (Hilmi) kata semua hospital kerajaan adalah patuh syariah, malah dia kritik pembinaan Hospital Islam Pulau Pinang (HIPP) bukan hospital patuh syariah pertama di Pulau Pinang.

"Kenyataan itu menunjukkan dia tak faham sebenarnya konsep hospital patuh syariah dan hospital yang berkonsepkan mesra ibadah.

"Hospital mesra ibadah seperti yang dikatakannya adalah tentang halal, masa solat dan sebagainya. Itupun, memang kita (Kerajaan Negeri) ada jalankan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) dan pihak hospital sejak tiga tahun lalu.

"Tetapi, hospital patuh syariah adalah mengikut piawaian SIRIM (MS 1900 2014) iaitu sistem pengurusan, kualiti, keperluan semuanya adalah berdasarkan perspektif Islam," ujarnya pada sidang media khas pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak turut sertai sidang media berkenaan.

Dalam kenyataan diterbitkan beberapa akhbar sebelum ini, Hilmi mengulas kenyataan Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) pada November lalu berhubung pembinaan HIPP yang patuh syariah pertama di Pulau Pinang di atas tanah milik MAINPP di Bayan Baru.

Hilmi dipetik berkata semua hospital, klinik, fasaliti kesihatan kerajaan di negara ini adalah patuh syariah dan begitu juga dengan segalanya yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hampir sepenuhnya mematuhi syariah.

Difahamkan, sejak pensijilan MS 1900 2014 diperkenalkan oleh SIRIM, hanya terdapat dua hospital diiktiraf di bawah pensijilan berkaitan, iaitu Hospital Tentera di Terendak, Melaka dan Hospital An-Nur di Bangi.

Justeru, menurut Afif, Hilmi selaku salah seorang kepimpinan Muslim di Pulau Pinang seharusnya menyokong dan menghargai usaha Kerajaan Negeri membangunkan HIPP dan bukan sebaliknya mengkritik usaha tersebut hanya kerana perbezaan politik.

"Ini (pembinaan HIPP) yang kita nak buat di Pulau Pinang.

"Ini adalah legasi yang Kerajaan Pakatan (Harapan) hendak buat dan tinggalkan di Pulau Pinang. Ia bukan sahaja patuh syariah, malah mempunyai konsep wakaf yang bukan sahaja untuk komuniti Muslim Islam, juga kegunaan seluruh rakyat di Pulau Pinang," ujarnya yang juga ADUN Seberang Jaya.

# Thaipusam dirai dalam suasana harmoni di P. Pinang



**RUPA bentuk *Golden Chariot* yang menjadi tumpuan pada sambutan Hari Thaipusam tahun ini.**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan khas RM200,000 bagi meraikan sambutan Thaipusam di Pulau Pinang baru-baru ini.

Pengumuman tersebut dibuat Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada suatu majlis khas sempena sambutan Thaipusam di Kuil Arulmigu Balathandayuthapani dekat Jalan Air Terjun di sini baru-baru ini.

Guan Eng memberitahu, sumbangan tersebut merupakan peruntukan khas setelah mengambil kira keperluan keagamaan dan tarikan pelancongan semasa meraikan Thaipusam.

“Saya ingin berterima kasih kepada pihak pengurusan Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang (HEB) kerana berjaya menganjurkan sambutan Thaipusam dengan jayanya tahun ini dalam suasana yang harmoni tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini,” ucapnya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II yang juga Pengerusi HEB, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan yang juga Timbalan Pengerusi HEB.

Bersempena itu, Guan Eng turut mengadakan lawatan ke Kuil Nattukkottai Chettiar dan Kuil Sri Meenakshi di sini.

Malah, beliau turut memenuhi acara tradisi dengan mengunjungi thaneer panthal (gerai minuman percuma) dan ruang korporat sepanjang Jalan Utama serta meluangkan masa kira-kira dua jam beramah-mesra dengan para pengunjung yang hadir.

Turut menemani, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

# Peruntukan kepada agama Islam naik 300% berbanding kerajaan dahulu, respons Guan Eng

**GEORGE TOWN -** Tuduhan Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Datuk Seri Abdul Hadi Awang kononnya agama Islam diabaikan di bawah Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang mungkin bertujuan untuk menutup kelemahan tadbir urus Kerajaan Negeri Kelantan belakangan ini.

Justeru, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sekali lagi menasihatkan Abdul Hadi dan PAS supaya bekerja keras meningkatkan mutu pentadbiran dalam Kerajaan Negeri Kelantan, supaya tak hilang dirampas UMNO dan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti.

“Sehingga hari ini tidak dapat bina rumah untuk mangsa banjir tiga tahun lepas.

"Bila berlaku banjir, ianya lebih teruk kerana hutan ditebang, balak ditebang semua untuk siapa? Kerana gagal menjalankan ekonomi dengan lebih baik, itulah akibatnya,” responsnya yang juga Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP) Kebangsaan ketika diminta mengulas mengenai kenyataan terbaru Abdul Hadi, yang juga Ahli Parlimen Marang baru-baru ini.

Guan Eng memberi respons itu selepas Majlis Penyerahan Cek Replika Sumbangan Kepada 22 Sekolah Mubaligh Peringkat Negeri 2017 di sini.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, pentadbirannya sejak Mac 2008 bukan sahaja memberi tanah, malah memberi peruntukan dalam bentuk wang kira-kira RM65 juta, demi memartabatkan Islam dan umat di Pulau Pinang.

“Beliau (Abdul Hadi) harus faham, peruntukan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) kepada agama Islam naik 300 peratus berbanding kerajaan terdahulu.

“Tak kan beliau (Abdul Hadi) ada mata tidak nampak, telinga tidak dengar, hati tak rasa...saya rasa saya nak biarkan fakta-fakta membuktikan siapa yang betul, siapa yang batil.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng ketika membentangkan Bajet Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2017 pada November lalu mengumumkan sejumlah RM49.4 juta diperuntukan kepada pembangunan hal ehwal agama Islam di negeri ini.

**Mengikut perincian, peruntukan Kerajaan Negeri sejumlah RM49,375,900 untuk pembangunan Hal Ehwal Agama Islam bagi tahun 2017 adalah berikut:**

- **RM1,750,000 untuk program bantuan pendidikan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR);**
- **RM930,000 untuk sumbangan Ex-Gracia guru-guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA);**
- **RM9,050,020 untuk projek-projek pembangunan Jabatan Hal Ehwal Agama dan Masjid Negeri;**
- **RM21,469,280 untuk peruntukan pengurusan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam;**
- **RM2,964,270 untuk peruntukan mengurus Jabatan Mufti;**
- **RM7,642,330 untuk peruntukan mengurus Jabatan Kehakiman Syariah;**
- **RM3,000,000 untuk bayaran saguhati pegawai-pegawai masjid; dan**
- **RM2,570,000 untuk bantuan khas wang/bonus kepada guru KAFA, guru agama, guru pondok, guru tahfiz, guru Tadika Islam (TADIS), sumbangan kepada Ijtimak Huffaz, sumbangan kepada masjid sempena bulan Ramadan, sambutan Maal Hijrah, Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri, Ujian Menghafaz Al-Quran, Pertandingan Nasyid, Sambutan Maulidur Rasul, peruntukan MMK Agama dan Tabung Perumahan Agama Islam.**

"Tuduhan media massa BN (Barisan Nasional) bahawa kita (Kerajaan Negeri) hanya peruntukan RM8 juta sahaja, ini satu lagi dusta dan fitnah.

"Pecahan peruntukan Kerajaan Negeri 2017 untuk pembangunan hal ehwal agama Islam, jumlah peruntukan terkumpul sebenarnya hampir RM50 juta (RM49,375,900)," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam, ketika itu.

# Mahiri teknik guna AED, bantu selamatkan nyawa



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam program latihan yang diadakan di Taman Botani.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Orang awam digalakkan untuk mempelajari dan memahiri cara-cara penggunaan difibrilator luaran automatik (AED)

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, kemahiran menggunakan AED mampu membantu menyelamatkan nyawa sekiranya terdapat kes-kes serangan jantung di lokasi-lokasi awam.

Mengambil contoh di Singapura pada tahun 2012, Afif memberitahu, pelaksanaan pendidikan dan akses awam bagi unit-unit AED tersebut berjaya meningkatkan survival penduduk yang diserang sakit jantung dari satu hingga 15 peratus.

"Justeru, sebagai permulaan, kita (Kerajaan Negeri) di Pulau Pinang mensasarkan sekurang-kurangnya tiga nyawa atau satu peratus (kadar survival) dapat diselamatkan dalam tempoh setahun.

"(Dan) semenjak pertengahan tahun lepas (2016), Kerajaan Negeri mengambil inisiatif memasang 10 unit AED di tempat-tempat awam seperti di Komtar, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), Bukit Bendera, Terminal Bas Sungai Nibong dan lain-lain," ujarnya pada Program Latihan Kecemasan AED dekat Taman Botani di sini baru-baru ini.

Program latihan serupa turut diadakan di Komtar baru-baru ini dengan mensasarkan penjawat awam dan para peniaga.

Afif dalam pada itu turut mengharapkan agar lebih ramai pihak swasta tampil memberi sumbangan peralatan AED atau membiayainya melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk dipasang di kawasan-kawasan berisiko seperti di kompleks sukan dan lokasi-lokasi riadah seluruh Pulau Pinang.



DR. Afif Bahardin melakukan demonstrasi menggunakan AED pada Program Latihan Kecemasan AED di Komtar di sini baru-baru ini.

# KM puji Zubicon laksana CSR di Jeti Chew



BEBERAPA pelancong merakam gambar kenangan di laluan baharu Jeti Chew di sini baru-baru ini.

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**TARIKAN PELANCONG...** Dalam usaha menarik lebih ramai pelancong sama ada dalam mahupun luar negara mengunjungi Jeti Chew iaitu salah sebuah jeti sukuan terkenal di Pulau Pinang, sebuah syarikat pemaju, Zubicon Sdn. Bhd. (Zubicon) tampil melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan melebarkan laluan tersebut.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyempurnakan pembukaan laluan baharu itu baru-baru ini, memuji pendekatan pihak berkaitan dan juga kemampuan menyiapkan kerja-kerja pembinaan dalam tempoh tiga minggu.

Pengarah Urusan Zubicon, Lim Beng Keong berkata, sejumlah RM130,000 diperuntukan bagi menyempurnakan projek yang dijalankan atas permintaan penduduk di situ.

Terletak berdekatan Gat Lebuh Armenian, Jeti Chew atau lebih dikenali sebagai *Chew Jetty* adalah perkampungan air terbesar yang dibina sejak pertengahan kurun ke-19 dan menjadi penempatan buat pendatang dari Tanah Besar China.



# Denggi belum berlalu, rakyat perlu terus waspada



KETUA Menteri sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyampaikan sumbangan kepada Gau Chang Kee di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PERMATANG PASIR -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengingatkan rakyat bahawa wabak denggi belum berlalu ekoran masih terdapat kes kematian berlaku di Pulau Pinang.

"Wabak denggi sangat bahaya, ia tidak kenal sesiapa dan waktu sehinggakan pada sambutan Tahun Baru Cina pun ia menyerang mangsa.

"Tahun ini sahaja, tiga mangsa sudah meninggal dunia. Tahun lalu, 13 mangsa meninggal dunia berbanding 2015 (19).

"Walaupun mencatatkan penurunan, namun 13 kematian itu masih banyak dan sekarang baru di bulan Februari," ujarnya ketika menyampaikan sumbangan kepada waris mangsa mendiang Gau Tong Sun, 62, yang meninggal pada hari kelima sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini.

Sumbangan disampaikan kepada abang mendiang, Gau Chang Kee, 69, dekat Kampung Permatang Ara, Jalan Kubang Semang di sini.

Hadir sama, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Dato' Mohd. Salleh Man dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Tambah Guan Eng, kawasan yang disangkakan selamat juga perlu berhati-hati kerana denggi masih mampu menyerang.

"Pada tahun 2015 dan 2016, kawasan tempat tinggal mendiang tiada kes kematian dicatatkan, namun tahun ini ada kes.

"Kadang-kala kawasan yang kita rasakan selamat juga adalah tidak selamat," jelasnya.

Afif dalam pada itu menasihatkan orang ramai agar meningkatkan kerjasama komuniti dalam menjaga kebersihan lokaliti tanpa berharap kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Kesihatan Negeri sematamata.

Mangsa yang menetap di Taman Makok, Bukit Mertajam meninggal dunia di Hospital Besar Pulau Pinang.

## Aplikasi 'myPBA' mudahkan interaksi pelanggan

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini melancarkan peranti mudah alih pintar 'myPBA' untuk kemudahan semua pelanggan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP).

"Pulau Pinang bukan sahaja satu-satunya negeri yang berjaya mengelak catuan air kerana pengurusan yang cekap Kerajaan Negeri dan PBAPP, malah pada hari ini, pelanggan boleh menggunakan peranti mudah alih 'myPBA' untuk melaporkan segera kejadian paip pecah, kebocoran paip serta saling berkomunikasi secara langsung dengan pihak PBAPP.

"'MyPBA membolehkan PBAPP memberikan maklumat penting kepada orang ramai melalui peranti mudah alih seperti telefon pintar dan tablet," jelasnya yang juga Pengerusi PBAPP pada Majlis Pelancaran Aplikasi myPBA di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng.

Dalam perkembangan lain, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri hari ini berjaya melaksanakan dasar 'Tiada Catuan Air' melalui langkah mewartakan 62.9 kilometer (km) persegi hutan kawasan tadahan air; Dasar Pengurusan Bekalan Air Sukar dengan PBAPP sendiri pada tahun 2016 dengan melabur RM89.5 juta untuk beberapa projek menaik taraf loji rawatan air serta usaha berterusan meningkatkan kemampuan pengurusan air negeri.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa menyatakan bahawa inovasi terbaru aplikasi tersebut akan memberi manfaat kepada 589,797 pengguna berdaftar di negeri ini.

"Kami tahu dalam dunia yang saling berhubung kini, kebanyakan rakyat Pulau Pinang lebih gemar menggunakan telefon pintar dan tablet terkini setiap hari," jelasnya sambil berharap inisiatif PBAPP tersebut bakal meningkatkan lagi tahap mutu pelanggan.

Tambah Jaseni, myPBA boleh dimuat turun secara percuma dari platform *Google Play Store* dan *App Store*.



PARA kakitangan PBAPP menunjukkan peranti mudah alih pintar myPBA pada telefon bimbit masing-masing pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.



# Kariah main peranan pastikan tiada asnaf terlepas pandang - Salleh Man

Teks dan Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PERMATANG BERANGAN -** Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man berkata, Zakat Pulau Pinang (ZPP) membelanjakan RM1,431 juta bagi bantuan bina rumah dan RM1.6 juta bagi bantuan baik pulih rumah sepanjang tahun 2016.

"Pecahan daripada nilai tersebut adalah 32 penerima membabitkan kategori bantuan bina rumah dan kategori bantuan baik pulih (111).

"Dari segi pecahan bina rumah mengikut daerah, ianya merangkumi sembilan dari daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah, SPT (10), Seberang Perai Selatan, SPS (6) dan Daerah Barat Daya, DBD (7).

"Bagi bantuan baik pulih pula, 53 penerima dari SPU, SPT (38), SPS (10), DBD (7) dan Daerah Timur Laut (3)," ucapnya pada Majlis Penyerahan Bantuan Rumah ZPP dekat Kampung Pokok Jenerih, Tasek Gelugor, SPU di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, seramai 13 penerima mendapat rumah baharu bernilai antara RM38,000 hingga RM46,000.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Datuk Azman Abdul Samat; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Permatang Berangan, Ahmad Fahmi A. Bakar, PPK Pinang Tunggal, Muhasdey Muhammad, PPK Sungai Dua, Rosli Hassan dan PPK Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Muhammad.

Tambah Mohd. Salleh, sesetengah permohonan terpaksa ditolak kerana tidak memenuhi kriteria ditetapkan.

"Bila dapat permohonan, kita (ZPP) perlu kaji sebaik mungkin bagi mengelakkan kesilapan, kekeliruan dan sebagainya, kerana duit zakat perlu digunakan sebaik mungkin untuk membantu golongan asnaf," ujarnya.




**MOHD. Salleh Man (dua dari kiri) beramah-mesra dengan salah seorang penerima pada Majlis Penyerahan Bantuan Rumah ZPP di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Mohd. Salleh turut mengingatkan jawatankuasa kariah setempat untuk memainkan peranan penting dan tanggungjawab agar tiada asnaf terlepas pandang.

Bagi salah seorang penerima, **AZIZAH AHMAD**, 51, beliau bersyukur permohonannya diluluskan oleh ZPP.

"Saya mohon sejak tahun lepas lagi melalui PPK Teluk Air Tawar (Musafa Kamal), saya pun amat-amat berpuas hati dengan kualiti rumah yang diberikan oleh ZPP," jelasnya yang tinggal berdua bersama ibunya.

Bagi bapa tunggal, **MOHD. YUSOFF MOHAMED NOOR**, 43, bantuan rumah baharu tersebut membuka lembaran baru dalam hidup beliau yang kini terpaksa menyara lima anaknya.

"Dahulu, semasa sewa di Sungai Dua saya tukang kebun sahaja, sejak berpindah ke Pokok Jenerih, saya kini buat kerja-kerja kampung yang mungkin berpeluang menambah pendapatan, lagi pun kawasan sini lebih dekat dengan rumah saudara-mara," kata beliau sambil menunjukkan set kerusi meja berasaskan kayu palet yang direka olehnya.





## Positioning Your SME Business for Expansion with a Corporate Factory Freehold Units in Prime Location

**With 20 units available, these light industrial factories are designed for the rapidly evolving SMEs who require an updated premise with the versatility to match their operations' growth requirements. It is ideally situated in Seberang Perai, strategically between the 2 island bridge crossings with several convenient accesses to the North-South Expressway.**

• Phase One Completion 2017 • Super Link & Semi D units • Built Up Area approx. 12,000 sq. ft • Land Area from 6,000 to 15,000 sq ft • 3 storey light Industrial Factory • Private Front Compound with Guard House • Generous HEADROOM allowances • Level 1 & 2 - 6m floor to floor height • Individual Service Tower • 2 Tons Goods Lift • Column free floors • 30ft well-lit back lane • Roof covering with 20 year anti-perforation • Electrical system and support circuits 200Amps/block

**LOCATION**

Lot 1277, Jalan Bukit Minyak, Bukit Mertajam,
14000 Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

**GPS Coordinates:**
**N05°19.400'; E100°27.017'**

**CALL NOW 03-2284 1019**
**www.misb.com.my**

**5% Discount Bumiputra Units**

Developed by **Tangkas Infiniti Sdn Bhd** (Co. Reg: 1080365-X)

* Subject to final authorities approval

BP: MPSP/40/20-44/104

# Ahli kariah akui masjid lebih imarah sejak 2008

**SEJAK** 2008, pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang digambarkan anti Islam saban tahun menganjurkan sendiri Ijtimak Huffaz Al-Quran seluruh negeri ini.

Susulan itu, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim melancarkan kempen 'Sebuah Keluarga Seorang Huffaz' peringkat negeri, demi mengimarahkan lagi masjid di Pulau Pinang.

Pelbagai inisiatif diadakan, antaranya pemberian Anugerah Khas Huffaz, Tokoh Huffaz dan sebagainya kerana percaya merekalah bersama-sama semua Jawatankuasa Kariah Masjid memainkan peranan penting dalam pengimarahan masjid dan surau.



MOHD. Rizal Akhir.

**USTAZ MOHD. RIZAL AKHIR**, 41, yang ditemui di kariah Masjid Permatang Pasir dekat Pematang Pauh memberitahu, usaha pengimarahan masjid-masjid di Pulau Pinang sejak tahun 2008 adalah begitu ketara berbanding sebelumnya.

"Sebelum 2008, para pendakwah dan guru-guru Al-Quran yang lantang hanya dibenarkan mengajar di masjid tertentu sahaja.

"Tapi kini, Kerajaan Negeri sendiri memberi pelbagai galakan supaya masjid-masjid di Pulau Pinang lebih imarah.

"Pemberian insentif kepada Huffaz umpamanya menyumbang kepada usaha melahirkan masyarakat yang baik, dan mendekati masjid," jelasnya ketika sesi wawancara bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** di sini baru-baru ini.

Ustaz Mohd. Rizal adalah anak kariah Masjid Sungai Dua, tetapi lahir di Kampung Permatang Pasir.

Beliau baru ditaklifkan sebagai Ahli Majlis bagi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).



ABDUL Alim Araby Haji Salih.

Beliau berkata, elok Kerajaan Negeri mempertimbangkan syor memberi elaun kehadiran mesyuarat kepada anggota Jawatankuasa Kariah Masjid.

Ini kerana, jelasnya, mereka merupakan barisan paling hadapan yang komited mengimarahkan masjid, dalam merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk memartabatkan Islam serta umatnya di Pulau Pinang.

Pengerusi Masjid Jamik Taman Semilang Seberang Jaya, **DATUK ABDUL ALIM ARABY HAJI SALIH**, 63, mengakui bahawa Kerajaan Negeri hari ini begitu saling bekerjasama dengan jawatankuasa kariah menganjurkan program pengimarahan masjid.

Antaranya, menurut Abdul Alim Araby, pelaksanaan proses pemilihan jawatankuasa pentadbiran masjid membabitkan ahli kariah sendiri bermula pada tahun 2012; serta Sambutan Bulan-Bulan Al-Quran dalam bulan Rejab, Syaaban dan Ramadan saban tahun sejak 2010 dengan pelbagai program dakwah dan imarah masjid.

Pun begitu, katanya, kesemua 210 Jawatankuasa Kariah Masjid tidak wajar bergantung kepada program pengimarahan masjid yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri, melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Yayasan Islam Pulau Pinang semata-mata.

"Bukan semua perlu bergantung kepada Kerajaan (Negeri), bayangkan jika semua 210 masjid setiap bulan memberi komitmen menyumbang RM400 kepada kumpulan dana terkumpul bersama semua masjid untuk program-program kebajikan umat, seperti membantu fakir miskin, pesakit kronik, pendidikan anak-anak daripada keluarga fakir dan sebagainya.

"Imarah masjid bukan bermakna anjur ceramah agama dan kenduri di masjid sahaja, tapi melaksanakan program kebajikan biar penduduk sekeliling tak kira agama dan bangsa terbela," jelas beliau.

Sejak 2011, Kerajaan Negeri mewujudkan tujuh 'Masjid Madani' sebagai projek perintis, iaitu masjid sebagai pusat pembangunan ummah, dan kemudiannya bertambah kepada 10 buah.

Masjid Negeri, lima masjid daerah, Masjid Taman Bertam Indah, Masjid Sungai Ara, Masjid Bayan Baru dan Masjid Seberang Jaya merupakan 'Masjid Madani' setakat ini, sebagai langkah pengimarahan masjid di negeri ini.

Masjid At-Taqwa Taman Bertam Indah dalam Kawasan Parlimen Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) diberi Anugerah Masjid Kariah Ketiga Terbaik Peringkat Kebangsaan 2014, yang dianjurkan oleh agensi persekutuan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Sejajar dengan kejayaan itu, Kerajaan Negeri pada tahun 2014 telah mewujudkan garis piawaian penarafan surau-surau awam di lokasi hotel, pusat membeli belah, kawasan awam, restoran dan stesen minyak, yang keseluruhannya berjumlah 465 buah.

Bagi Imam Masjid Jamik Simpang Empat Balik Pulau, **TAKHOR MOHAMAD**, 45, sumbangan Ihya' Ramadan kepada semua masjid berkariah untuk menganjurkan majlis jamuan berbuka puasa saban tahun sejak 2009 wajar dipuji.

"Sumbangan RM1,000 memang membantu jawatankuasa kariah mengimarahkan lagi masjid.

"Satu lagi sebelum saya terlupa, (sejak Mei 2012) langkah menaikkan elaun bilal dari RM180 kepada lebih RM300 (RM324 sebulan), dan siak (daripada RM200 kepada RM360 sebulan).

"Kalau tanya kepada orang yang rajin pergi masjid, kuliah agama bercambah, program dakwah begitu banyak anjuran jawatankuasa kariah dan jabatan agama dan Kerajaan Negeri sekarang ini," ulasnya lanjut.



TAKHOR Mohamad.

## Kon Yeow, ADUN harap RM275 juta naik taraf jalan selesai cabaran trafik sesak Paya Terubong

**PAYA TERUBONG -** Projek penarafan Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong sepanjang 5.0 kilometer (km) antara Lebuhraya Thean Teik dan Lebuh Bukit Jambul diharapkan dapat menangani cabaran trafik sesak di sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Paya Terubong.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika sesi Jelajah Sedia Mendengar Ke KADUN Paya Terubong baru-baru ini memberitahu bahawa projek pembinaan dan penarafan tersebut menelan belanja RM275 juta.

"Projek ini telah dimulakan pada 15 Januari 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada 14 Januari 2019, dengan mengambil masa selama tiga tahun.

"Kemajuan kerja sebenar di tapak pada masa sekarang (Disember 2016) adalah 27.5 peratus, iaitu menepati kemajuan dijadualkan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota sebagai maklum balas kepada ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin pada sesi lawatan tapak di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Soon Hin memaklumkan bahawa pihaknya acapkali menerima rungutan daripada penduduk tempatan termasuk Parlimen Balik Pulau dan KADUN Air Itam mengenai kesesakan trafik pada waktu puncak, setiap hari.

Kon Yeow menjelaskan, sebelum ini, sebenarnya sebahagian Jalan Berkembar Paya Terubong sepanjang 1.2km telah pun dibina.

"Jumlah panjang bahagian-bahagian yang perlu dibina untuk menghubungkan keseluruhan jalan berkembar dari Lebuhraya Thean Teik ke Lebuh Bukit Jambul adalah 3.8km.

"Maka, panjang jalan berkembar sekiranya dilengkapkan dari Lebuhraya Thean Teik ke Lebuh Bukit Jambul adalah 5.0km," jelasnya.

Bercakap pada sidang media sama, pegawai Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berkata, satu bahagian jalan berkembar menghubungkan Lebuhraya Thean Teik ke Tingkat Paya Terubong 1 (*Sun Moon City*) sepanjang 0.8km sedang dibina oleh Tetuan Geovalley Sdn. Bhd..

"Dengan adanya jalan hubungan ini, penduduk kawasan Bukit Saujana dan *Sun Moon City* akan mempunyai jalan alternatif dan boleh mengelak Jalan Paya Terubong, sekiranya berlaku kesesakan," jelasnya.

Bersempena program jelajah tersebut, Soon Hin turut mengiringi Kon Yeow memantau projek pemasangan lif baharu di Relau Desa May dan Flat Wayton Paya Terubong.

Mereka turut melawat tapak projek pembangunan Pasar Awam Paya Terubong serta meninjau keadaan tebing sungai yang runtuh akibat dilanda banjir September tahun lepas.

Kon Yeow dan Soon Hin ketika singgah di Nan Shan Kopitiam diminta mempertimbangkan syor pemilik warung berkenaan untuk melaksanakan projek pengindahan sekitar Sungai Dondang di sini.

Mereka turut diminta menaik taraf kemudahan awam seperti tandas, bekalan elektrik, pondok serta tong sampah, ketika saling berinteraksi dengan penduduk tempatan Taman Beriksa dan Farlim.

Pada kesempatan sama, Soon Hin turut membawa Kon Yeow melawat keluarga R. Muniappan, 37, yang mempunyai tiga anak kurang upaya (OKU) di rumah sewa mereka dekat Taman Alor Vista, Relau.

Menurut Soon Hin, keluarga berkenaan bergantung hidup pada RM900 gaji bulanan Muniappan sebagai pemandu lori.

Namun, katanya, Muniappan sendiri hilang mata pencarian selepas terlibat dalam kemalangan jalan raya pada bulan September tahun lalu.

Pegawai Kebajikan Paya Terubong yang mahu dikenali sebagai 'Puan Toon' dalam reaksi spontan menyatakan bahawa pihaknya telah menguruskan hal permohonan bantuan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) untuk Muniappan sekeluarga.

Dengan disaksikan Kon Yeow serta anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat, Soon Hin sendiri menyerahkan RM500 bantuan kepada keluarga Muniappan.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ramli Omar<br>ramliomar53@gmail.com | 012 - 487 3070 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012 - 594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | 012 - 445 1767 | Muazah |
| N2 | Bertam | 012 - 466 9681 | Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | 012 - 505 1334 | Farrah Erika |
| N5 | Sungai Dua | 016 - 412 8588 | Zuhair |
| N6 | Telok Air Tawar | 012 - 475 4326 | Mohd. Zamri |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | Kamal<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 383 9131 | Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 0111-508 0215 | Siti Hajar Abdul Aziz |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | Tina<br>Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | Benji Ang<br>Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | Toon Hoon Lee<br>Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | Amirulzaman<br>Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | 010 - 773 2395 | Firdaus |
| N39 | Pulau Betong | 012 - 464 3004 | Aidi Akhbal |
| N40 | Telok Bahang | 017 - 413 5695<br>017 - 569 6712 | Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A. Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Noor Syazwani Md Amin | 014 - 307 7101 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019 - 225 6502 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Mac 2017





### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB, NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN, LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Konsep 'Kejiranan Kemasyarakatan' jadikan JKKK Bukit Panchor terbaik

Teks dan Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**WALAUPUN** tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh, namun Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bukit Panchor di Dewan Undangan Negeri (DUN) Jawi, masih mampu menggondol anugerah JKKK Terbaik Pulau Pinang 2016.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** baru-baru ini berkesempatan mencungkil rahsia kejayaan JKKK Bukit Panchor yang dipengerusikan oleh **TANG KEAN POAY** dalam menjadikan JKKK kelolaannya terbaik di negeri ini.

## PENUBUHAN

Kean Poay menceritakan bahawa JKKK Bukit Panchor ditubuhkan pada 2011 hasil pecahan tiga JKKK lain sekitar Jawi.

"Tahun pertama ditubuhkan ianya amat sukar, kerana kami memang tiada sumber pendapatan khas seperti pasar malam, pasar pagi dan sebagainya. Peruntukan yang diterima juga tidak seberapa hanya 'cukup-cukup' untuk *survive*.

"Setelah ditubuhkan, saya mengambil keputusan untuk hanya melihat dan mengkaji segala permasalahan penduduk di Bukit Panchor. Kumpul segala maklumat dan *feedback* masyarakat setempat di samping cuba mendekati mereka.

"Lama-kelamaan, mereka sudah kenal dengan JKKK dan hubungan bertambah erat serta muafakat, jadi kami 'tidak perlu' lagi kerap kali menonjolkan diri untuk meperkenalkan JKKK Bukit Panchor," ujar beliau memulakan bicara.

Ketika ditubuhkan, Kean Poay berpesan kepada 14 ahli jawatankuasanya yang mempunyai pelbagai latar belakang supaya meninggalkan pangkat, kedudukan, pingat dan darjat 'di luar pagar'.

"Kita perlu ingat apabila setuju mengganggotai JKKK, bermakna kita bersedia berkhidmat kepada rakyat serta menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan Negeri seperti saranan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng," tegasnya.

Menurut beliau, masuk tahun 2012, JKKK mula menjalankan beberapa program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama kilang-kilang dan syarikat-syarikat yang terdapat di sekitar Bukit Panchor.

Program-program bertemakan 'Kejiranan dan Kemasyarakatan'.

"Dari situ orang pun mula kenal kami dan mereka tidak lokek berkongsi dana untuk menjalankan beberapa program seperti gotong-royong, kitar semula dan program-program sumbangan kebajikan kepada masyarakat yang memerlukan.

"Tahun 2012 juga, kami mengatasi pelbagai masalah-masalah penduduk setempat yang banyak diutarakan pada tahun pertama JKKK Bukit Panchor ditubuhkan... dengan pelbagai masalah setempat yang diatasi, hubungan JKKK dan penduduk menjadi semakin baik," jelasnya lanjut.

## PELAKSANAAN & PENCAPAIAN

Dalam menyemai budi kepada tanah lapang yang terdapat di sekitar kawasan Taman Bukit Panchor, JKKK dengan kerjasama penduduk telah menjayakan Program Pertanian Dalam Bandar yang mana tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan diusahakan di kawasan lapang serta kawasan perumahan.

"Permulaan, terdapat ramai penduduk meragui usaha tersebut, namun hasilnya berjaya. Kami menanam sayur-sayuran seperti cili, bendi, terung, sawi, salad dan lain-lain lagi.

"Kejayaan ini sungguh membanggakan apabila JKKK Bukit Panchor turut menerima lawatan dari Jabatan Pertanian Wilayah Persekutuan Putrajaya. Lawatan tersebut bertujuan mempelajari kaedah pertanian dalam bandar yang dipraktik untuk dijadikan contoh di tempat-tempat lain seluruh Malaysia," katanya.

Pada tahun 2014, JKKK Bukit Panchor mula mengorak langkah apabila menerima anugerah pertama mereka iaitu Anugerah Komuniti Mampan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Tahun 2015, kami ditauliahkan JKKK Terbaik kawasan Seberang Perai, serta Anugerah Profil Terbaik 2015. Hasilnya pada 2016, kami dinobatkan sebagai JKKK Terbaik.

"Saya amat gembira dengan penganugerahan ini, kerana usaha keras kami sejak ditubuhkan berhasil sungguhpun kami tidak punyai sumber pendapatan, tetapi berjaya muncul sebagai JKKK terbaik negeri Pulau Pinang.

"Anugerah ini tidak menjadikan kami berpuas hati, sebaliknya kami akan terus berusaha gigih dalam memastikan komuniti di sini dapat hidup selesa, harmoni dalam persekitaran yang kondusif," katanya sambil tersenyum puas.

## KONSEP KITAR SEMULA SEBAGAI AMALAN

JKKK Bukit Panchor amat menekankan konsep kitar semula dan pengasingan sisa pepejal. Maka tidak hairanlah apabila Kean Poay menyatakan bahawa dua unit tong *Roll On Roll Off* atau dikenali sebagai RORO (saiz paling besar) diperlukan di kawasan ini pada setiap bulan.

"Kita letakkan tong RORO dalam kawasan Dewan JKKK Bukit Panchor, ini bagi memudahkan penduduk di sini membuang barang-barang yang boleh dikitar semula di sini.

"Selain barang kitar semula, mereka digalakkan menderma pakaian atau bahan bacaan yang elok untuk dimanfaatkan kepada golongan yang lebih memerlukan. Hasil dari bahan-bahan bacaan yang diterima juga, kami tubuhkan satu mini perpustakaan di Taman Bukit Panchor," ujar Kean Poay.

"Pengasingan sisa pepejal juga mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk di sini, sehinggakan menerima pujian pihak MPSP yang menjalankan tugas mengutip *material-material* tersebut.

"Kalau musim perayaan, kadang-kala kami memerlukan sehingga empat tong RORO mengangkut barang-barang kitar semula. Lazimnya, kami jual untuk menjana sedikit pendapatan dan hasilnya digunakan untuk pembiayaan program-program masyarakat.

"Dahulunya, kami punyai masalah yang mana barang-barang ini kadang-kala dicuri. Justeru, pendekatan yang kami gunakan adalah menasihati penduduk di sini supaya tidak berbuat demikian kerana hasil barangan tersebut akan digunakan untuk program-program kebajikan dan tolong orang susah.

"Kita menerima kerjasama yang baik, sehinggakan komuniti berhampiran dewan JKKK ini menjadi mata dan telinga dalam menjaga barang-barang kitar semula ini dari dicuri," ulasnya lanjut.

## HARAPAN

Kean Poay berharap agar JKKK Bukit Panchor dapat meluaskan lagi program-program berkaitan kebajikan di kawasan tersebut di masa akan datang.

"Kami akan berusaha keras bagi mencari pihak-pihak yang bermurah hati supaya program kebajikan dapat terus dilaksanakan di kawasan ini.

"Kadang-kala, ada penduduk yang susah sehingga minta bantuan kita sebab elektrik dan air yang terpaksa dipotong kerana tidak mampu untuk membuat bayaran, saya amat bersimpati dengan nasib golongan-golongan seperti ini dan akan terus membantu mereka.

"Dengan sambutan menggalakkan dalam aktiviti kitar semula, kami juga berhasrat untuk mengumpul dana bagi membeli tong RORO sendiri. Tong yang ada sekarang hanyalah sewaan daripada kontraktor... jadi apabila ada tong sendiri ianya lebih mudah," jelasnya.

Mengulas lanjut, Kean Poay berharap JKKK lain juga dapat menjalankan langkah penambahbaikkan di kawasan masing-masing dalam membawa imej Kerajaan Negeri.

"Setiap JKKK harus beri komitmen 100 peratus berhubung setiap tugasan yang diamanahkan untuk memperoleh kepercayaan masyarakat kerana kita adalah sebahagian daripada imej pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan," jelasnya menutup bicara.



**TANG Kean Poay menunjukkan dua sijil penghargaan yang dianugerahkan kepada JKKK Bukit Panchor.**


**SALAH seorang kakitangan sedang mengasingkan pakaian yang disumbangkan oleh penduduk sekitar.**


**TONG RORO yang disediakan di Dewan JKKK Bukit Panchor untuk program kitar semula membabitkan penduduk setempat.**

# Syiar Islam terus berkembang di bawah PH P. Pinang - Exco

**GEORGE TOWN -** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim menegaskan bahawa Syiar Islam terus berkembang subur selepas Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pentadbiran daripada Barisan Nasional (BN) pada Mac 2008.

Katanya, **bajet hal ehwal agama misalnya, pernah mencecah sehingga 300 peratus melebihi bajet sewaktu Pulau Pinang ditadbir oleh Gerakan dan rakan politik UMNO, malah sehingga kini, peruntukan yang diberikan adalah tidak berkurang daripada keperluan semasa.**

**"Selaku Exco Agama, saya ingin memaklumkan bahawa pendidikan Islam khususnya sekolah agama rakyat (SAR), KAFA, Maahad Tahfiz, Pondok dan TADIS dibantu berdasarkan keupayaan kewangan negeri.**

**"Selain bajet tahunan untuk hal ehwal agama, turut disediakan adalah khusus untuk institusi pendidikan Islam berkaitan yang mana sehingga kini, lebih RM14 juta telah disalurkan untuk tujuan berkaitan. Bahkan, guru-guru dan kakitangan institusi pendidikan Islam turut menerima bonus tahunan yang tidak pernah diterima sebelum ini.**

**"Ditekankan bahawa, bajet dan sumbangan itu adalah tidak termasuk pembinaan masjid, surau dan sekolah agama yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri,"** katanya dalam satu kenyataan bertarikh 27 Januari lalu di sini.

Sementara itu, dalam sidang akhbar berasingan, Abdul Malik sekali lagi menegaskan bahawa pencapaian Melayu dan Islam di Pulau Pinang di bawah PH tidak mungkin boleh dinafikan mana-mana pihak.

"Di bawah PH, institusi Islam sedia ada telah dan sedang ditambah baik. Bagi memantap dan memartabatkan lagi pencapaian Melayu Islam, Kerajaan Negeri antaranya, menubuhkan *Penang International Halal Hub* (2008), Majlis Syura Pulau Pinang (2009), Yayasan Islam Pulau Pinang (2010) dan Wakaf Pulau Pinang (2016).

"Juga mewujudkan Taman Perindutrian Halal (TPHPP) di tanah seluas 100 ekar di Bukit Minyak, Bukit Mertajam dan sehingga kini, TPHPP telah berjaya menarik RM484.2 juta," jelasnya.

Antara lain adalah:

**Majlis Syura**

Majlis Syura Pulau Pinang ditubuhkan pada 2009. Ahlinya terdiri daripada intelektual, ulama, agamawan, Mufti, Ketua Hakim Syariah, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam, tokoh-tokoh politik dan agensi kerajaan.

Ia sebagai wadah perbincangan dan muzakarah dua hala untuk menambah baik pencapaian umat Islam Pulau Pinang. Majlis Syura mengadakan mesyuaratnya tiga kali setahun.

**Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP)**

Salah satu perbincangan dan muzakarah bersama Majlis Syura, ialah menubuhkan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP). Ia menjadi realiti pada tahun 11 Julai 2011.

**Hospital Islam Antarabangsa**

Projek pembangunan Hospital Islam pertama di Pulau Pinang di Bayan Baru setingkat 14 tingkat adalah usaha YIPP dan MAINPP. Hospital 200 katil itu memperuntukan 20 katil wakaf kepada pesakit yang tidak berkemampuan.

**Sekolah Islam Antarabangsa**

YIPP juga akan membina Sekolah Islam Antarabangsa yang dijangka memulakan pembinaannya pada pertengahan tahun ini. Sekolah tersebut akan dibina di Sungai Ara, Bayan Baru.

**Penubuhan Wakaf Pulau Pinang (WPP)**

Pada tahun 2016, MAINPP menubuhkan Wakaf Pulau Pinang. Usaha penubuhannya telah dimulakan pada tahun 2014. WPP bertanggungjawab membangun dan menguruskan harta wakaf, termasuk menjalankan pelaburan, penyelidikan dan penguatkuasaan ke atas tanah wakaf selari dengan polisi MAINPP.

**Kompleks Mahkamah Syariah**

Kerajaan Negeri menganugerahkan sebidang tanah bernilai lebih RM80 juta bagi pembinaan Ibu Pejabat Mahkamah Syariah setinggi 7 tingkat di Jalan Scotland.

**Pusat Pendidikan Al- Itqan di Teluk Kumbar**

Kerajaan Negeri menyumbang RM15 juta untuk projek pembesaran pembesaran Pusat Pendidikan Al- Itqan di Teluk Kumbar.

**Tiada tindakan *double standard* terhadap penjaja Melayu dan bukan Melayu**

Di Pulau Pinang, jumlah pasar malam yang diuruskan oleh orang Melayu lebih banyak berbanding bukan Melayu.

Perlu ditegaskan, pihak berkuasa tidak akan menzalimi mana-mana peniaga, Melayu atau bukan Melayu. Kerajaan Negeri akan terus berusaha membantu mereka, khususnya penjaja Melayu bagi mendapatkan lesen sah dan menempatkan mereka di premis yang disediakan.

**Islam Rahmatun Lil Alamin, bukan Islam Liberal**

"Islam Rahmatun Lil Alamin" iaitu Islam rahmat untuk semua telah menjadi fokus utama kerajaan Negeri Pulau Pinang.

*Penang Institute* (PI) bukannya badan agama yang mempromosikan mana-mana mazhab. Ia adalah organisasi yang meraikan diskusi intelektual dalam bentuk forum ilmiah. Pelbagai diskusi diadakan adalah untuk memecah tembok pemikiran sedia ada.

*(Dari muka 3)*

## *Kenyataan Mufti P. Pinang bagi menjawab pernyataan PAS:*

Assalamu 'alaikum. Ustaz nak buat sedikit pernyataan mengenai dakwaan parti PAS bahawa fatwa Negeri Pulau Pinang perlu dikemukakan terlebih dahulu kepada Mesyuarat EXCO sebelum mendapat perkenan DYMM Yang Di-Pertuan Agong:

## FATWA TIDAK WAJAR DIPOLITIKKAN

Saya amat berharap agar ahli-ahli politik khasnya dan masyarakat amnya dapat menghormati fatwa yang diputuskan oleh mana-mana AJK Fatwa di negara ini sama ada di peringkat Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan mahupun fatwa negeri-negeri. Masyarakat hendaklah memahami bahawa keputusan fatwa dibuat berdasarkan kaedah-kaedah tertentu di samping mempertimbangkan kepentingan awam dan situasi sekeliling.

Di Pulau Pinang khususnya, sesuatu fatwa yang hendak diwartakan dikemukakan terlebih dahulu ke dalam mesyuarat EXCO hanya untuk dimaklumkan, bukan untuk dibahaskan.

Kita ingin menjelaskan bahawa setakat ini belum pernah pihak Exco atau Kerajaan Negeri menghalang pewartaan fatwa.

Apabila mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri memutuskan untuk mewartakan sesuatu fatwa, ia dikemukakan terlebih dahulu di dalam Mesyuarat Exco oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri. Kemudian dihantar ke pejabat Penasihat Undang-undang Negeri untuk diperbaiki serta dihalusi susunan bahasanya. Kemudian dihantar ke Istana Negara menerusi pejabat SUK untuk mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Setelah diperkenankan oleh Baginda maka pejabat SUK sekali lagi menghantarkannya ke pejabat Penasihat Undang-undang Negeri untuk tujuan pewartaan.



**DR. Wan Salim Wan Wan Noor.**

Diharap penjelasan ini dapat menghilangkan kekeliruan masyarakat berhubung proses pewartaan fatwa dan tiada lagi dijadikan sebagai bahan polemik oleh mana-mana pihak.

**DATO' DR WAN SALIM WAN MOHD. NOOR**
**MUFTI PULAU PINANG**
**31 JANUARI 2017**

# Selepas 2008, Melayu paling ramai terpilih miliki RMM, Exco sanggah Ku Nan

**GEORGE TOWN -** Jumlah rumah mampu milik (RMM) di Pulau Pinang bukan sahaja lebih banyak berbanding sebelum tahun 2008, malah data rasmi Kerajaan Negeri menunjukkan bahawa kaum Melayu serta Bumiputera paling banyak dipilih memiliki kediaman jenis rumah kos rendah (RKR).

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata demikian bagi menyanggah kenyataan Menteri Wilayah Persekutuan, Tengku Adnan Tengku Mansor atau 'Ku Nan' yang berdalih Melayu Pulau Pinang paling mendapat manfaat jika negeri ini dijadikan wilayah persekutuan yang baru kelak.

"Dalam tempoh 208 hingga 2016, jumlah keseluruhan yang dipilih memiliki rumah kos rendah (RKR) dan kos sederhana rendah (KSR) mengikut kaum adalah, Melayu 7,874 pemohon, Cina (6,5,27), India (1,422) dan lain-lain (66).

"Ini menunjukkan secara jelas bahawa kaum Melayu atau Bumiputera adalah yang terbanyak dipilih.

"Ini adalah angka statistik...maka, sebelum membuat tuduhan melulu, saya menasihatkan menteri ini supaya mendapatkan fakta-fakta yang betul," jelasnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

Menurut rekod, seramai 5,686 Melayu dipilih memiliki RKR dalam tempoh 2008 hingga 2016, dikuti Cina (3,029 orang), India (872 orang) dan lain-lain bangsa (36).

Dalam tempoh sama bagi rumah KSR pula, Melayu yang dipilih memiliki rumah dalam tempoh sama adalah seramai 2,188 orang, diikuti Cina (3,498), India (550) dan lain-lain (30).

Tambah Jagdeep, sebanyak 20,887 unit RMM jenis RKR dan KSR telahpun dibina di Pulau Pinang dalam tempoh tahun 2008 hingga 2016, berbanding 5,124 yang dibina pada era Barisan Nasional (BN) menguasai Kerajaan Negeri dari tahun 2000 hingga 2007.

# MBPP & MPSP: Menerap ke Arah Kesaksamaan Gender



DATUK Bandar MBPP, Datuk Patahiyah Ismail (ketiga dari kiri) dan Yang Dipertua MPSP Datuk Maimunah Mohd Sharif (tengah) dengan ahli-ahli majlis wanita, Puan Kala, Noor Syazwani dan Khoo Salma, serta Ketua Pegawai Eksekutif PWDC Ong Bee Leng dan Pengurus Program Pemberdayaan dan Kepimpanan Wanita, Karen Lai.

**TAHNIAH** kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kerana membawa kebanggaan kepada warga Pulau Pinang dengan menerap ke arah pencapaian kesaksamaan gender! Kedua-dua kerajaan semasa "Kursus Induksi Ahli Majlis" yang telah diadakan pada Januari 20 hingga 22, telah menerima pakai petunjuk prestasi utama gender yang progresif untuk menunjukkan komitmen mereka dalam mengarusperdanakan dan menginstitusikan gender di Pulau Pinang.



YB Chow Kon Yeow, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir bersama dengan Datuk Bandar MBPP Datuk Patahiyah Ismail dan Yang Dipertua MPSP Datuk Maimunah Mohd Sharif ketika menyertai bengkel bersama-sama ahli-ahli majlis tempatan dan Ketua-Ketua Jabatan MBPP dan MPSP.

Ini merupakan pencapaian penting bagi kesaksamaan gender di Pulau Pinang, di mana petunjuk-petunjuk tersebut termasuk satu komitmen untuk menyediakan garis panduan dalaman untuk gender dalam kedua-dua kerajaan tempatan. Tambahan juga ialah penginstitusian pemekaan gender dan program kepimpinan wanita yang menjadi sebahagian daripada inisiatif pembinaan kapasiti dalam majlis tempatan.

PWDC berasa amat bangga untuk menjadi rakan kongsi MBPP dan MPSP dalam usaha untuk membentuk negeri Pulau Pinang yang lebih adil dan inklusif untuk semua.

## Buku "*A Better World*" demi mencapai Matlamat Pembangunan Lestari




**PULAU** Pinang telah menempa sejarah di persada dunia kerana Program Gender Responsive and Participatory Budgeting di Kerajaan Tempatan (PBT) Pulau Pinang – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), telah dimuatkan dalam buku bertajuk A Better World: Actions and Commitments to the Sustainable Development Goals (Dunia yang Lebih Baik: Tindakan dan Komitmen untuk Matlamat Pembangunan Lestari) telah diterbitkan pada akhir tahun 2016, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals (SDG)) yang sedang berlaku di peringkat antarabangsa.

Artikel tersebut bertajuk "Implementing the Gender Responsive and Participatory Budgeting project in Penang local government (Melaksanakan Bajet Responsif Gender dan Partisipatori di Kerajaan Tempatan Pulau Pinang)" telah berkongsi pengalaman Pulau Pinang dalam usaha mengarusperdanakan gender dan mendorong ke arah keadilan social, dengan melaksanakan projek di peringkat komuniti melalui proses penyertaan rakyat di dua buah Projek Perumahan Rakyat (PPR) milik MBPP dan MPSP, iaitu PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan.

SDG merupakan agenda global oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu Transforming Our World: the 2030 Agenda for Sustainable Development (Mentransformasi Dunia Kita: Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari) mempunyai 17 matlamat yang memfokuskan kepada tiga dimensi utama iaitu ekonomi, sosial dan persekitaran.

"A Better World" yang diterbitkan oleh Tudor Rose (di bawah Human Development Forum, United Kingdom) dengan kerjasama PBB ini menghimpunkan sebanyak 30 artikel berkaitan usaha dan kejayaan negara-negara dari seluruh dunia dalam mencapai kesaksamaan gender dan keadilan sosial. Terbitan ini merupakan jilid pertama yang menfokuskan kepada Matlamat 5 – Mencapai Kesaksamaan Gender dan Pemerkasaan Wanita dan Gadis. Kandungan penuh terbitan tersebut boleh dimuat turun secara talian terus di http://pwdc.org.my/resource/ .

## Tibanya masa untuk meraikan Hari Wanita Sedunia

**HARI** Wanita Sedunia (IWD) merupakan acara tahunan yang diadakan di peringkat global untuk meraikan pencapaian wanita dalam semua sektor. Organisasi antarabangsa juga menyeru untuk mempercepat kesaksamaan gender. Tahun ini, tema sedunia ialah "Be Bold for Change". Ia menggesa komuniti sedunia untuk tabahkan hati demi mempercepat proses pengubahan, memberi peluang dan akses yang sama kepada kaum wanita, seperti yang diberi kepada kaum lelaki.

Tahun ini, kemen IED peringkat negeri Pulau Pinang akan dianjurkan bersama oleh Pejabat Exco Wanita, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), dan Pejabat-pejabat Daerah dan PWDC sejak 2013. Tema untuk IWD2017 adalah "Be Bold for Change: Game Changer".

Dengan mengambil tema antarabangsa untuk IWD2017, penganjur akan memberi tumpuan kepada konsep Pemacu Perubahan, yang mendorong orang ramai dan juga sendiri untuk menjadi pengubah dalam membentuk suasana kerja yang lebih baik dan bersifat lebih inklusif.

Selain daripada itu, PWDC telah merancang acara-acara lain untuk meraikan kejayaan wanita dalam pelbagai industri. Acara-acara tahun ini akan bertumpu kepada bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Perkhidmatan Awam, Politik dan lain-lain, menyasarkan pelajar-pelajar di sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi, komuniti akar umbi, pihak industri dan penjawat awam.

Pemimpin-pemimpin terkenal dalam sektor Sains dan Teknologi termasuk Professor Emeritus Datuk Dr Mazlan Othman (Astrophysicist terkenal dunia), Goh Ai Ching, Ketua Pegawai Eksekutif Piktochart dan Azian Wahab, Ketua Operasi Global, R&D, National Instruments telah dijemput sebagai pembicara Women in Zcience 2017 (WiZ2017), masing-masing akan membentangkan topik Memecah Kaca Siling, Kompetensi Pelengkap dalan STEM dan Kepentingan Kepelbagaian dari Mac 3 hingga 5.

Satu kempen sosial media juga akan diadakan untuk melibatkan penyertaan orang ramai, sila layari pwdc.org.my untuk maklumat lebih lanjut.

### Jadual Acara

| No | Tarikh | Masa | Acara | Hadirin |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Mac 3 - 5 | 8am – 1pm | Women in Zcience (WiZ2017)<br>TechDome, Komtar | Pelajar sekolah & universiti, kaunselor, orang ramai |
| 2 | Mac 7 | 10am – 2pm | Majlis Peringatan IWD2017<br>Dewan Millennium, Kepala Batas | Penjawat Awam, Organisasi Bukan Kerajaan, jemputan |
| 3 | Mac 18 | 9am – 5pm | Dialog Bapa – Anak Perempuan<br>Youth Park | Majlis Bandaraya Pulau Pinang<br>(MBPP), orang ramai (atas jemputan sahaja) |
| 4 | Mac 25 | | Pelancaran Manual GRPB | Kerajaan Tempatan |
| 5 | Mac 31 | 8pm – 10pm | "Women and the politics of Politics" | Pemimpin-pemimpin wanita (atas jemputan sahaja) |

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10174
Peminjam : NUR AFRAH BINTI MD SUKI - 85062407**** 11-2-3 PUTRA APARTMENT, JALAN BUKIT SETIAWANGSA, TAMAN SETIAWANGSA 54200 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : MD SUKI BIN HUSIN - 53101007**** NO. 1570 JALAN PONGSU SERIBU, TAMAN KOSKAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : SITI RAHMAH BINTI ABD HALIM - 60010207**** 6329 JALAN HAJI MURSHID, PEKAN DARAT, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH

No Akaun : 10175
Peminjam : NOOR BAKHTIAR BIN AHMAD - 82021007**** NO.141 JALAN 4, TELOK BAHANG 11050 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NOOR AZIDAH BINTI AHMAD - 75040107**** 141 LORONG NELAYAN 4 , TELUK BAHANG, BALIK PULAU 11050 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NOORHANA BINTI AHMAD - 72012807**** 7A-5-10 PALM COURT, SERI TANJUNG PINANG, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 10179
Peminjam : YONG HUI MAN - 83060614**** 16 CANGKAT KENARI 2, TAMAN DESARIA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ANG SEW CHING - 55022108**** 2-5-7 LEBUH PADANG TEMBAK, 11400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : YONG LEE MAN - 80103014**** 16 CHANGKAT KENARI 2, TAMAN DESARIA, SUNGAI ARA 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 10189
Peminjam : SIM LEE YING - 83100307**** 109 LORONG IMPIAN 11, TAMAN RESIDENSI IMPIAN 14000 BUKIT MERJATAM
Penjamin 1 : SIM LEE WEI - 81020207**** 3-14-06 LEBUH RELAU 6, MUKIM 13 BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN BEE HONG - 76032507**** 72 JALAN IMPIAN INDAH 2, TAMAN IMPIAN INDAH, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10191
Peminjam : MOHD NAZIRUL AMRI BIN AZIZAN - 86100735**** 64-G-6 PANGSAPURI MESRA, JALAN LIM KHOON HUAT 10460 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AZIZAN BIN HASSAN - 56100602**** 64-G-6 PANGSAPURI MESRA, JALAN LIM KHOON HUAT 10460 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ISMAIL BIN IBRAHIM - 68100807**** 406-B JALAN LAMA, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 10194
Peminjam : NOR HALIZA BINTI HALIB@YAHAYA - 83022707**** BLOK 4269 TGKT 3 NO. 11, RKAT 1RAMD, KEM PERDANA SUNGAI BESI 57000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : HELMI BIN HALIB - 70012507**** 4-2-16 TAMAN SERI INDAH, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : USAMAH BIN SALIM - 71021907**** 283 JALAN DATO KERAMAT 10150 PULAU PINANG

No Akaun : 10197
Peminjam : MOHD AZRI BIN ELIAS - 82082307**** NO.116 PERMATANG SETAR, PINANG TUNGGAL 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : ELIAS BIN MAT NOH - 57092002**** NO. 116 PERMATANG SETAR, PINANG TUNGGAL 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : NOR AZIRA BINTI ELIAS - RF/140*** BALAI POLIS JAYA GADING, KM 14 JALAN GAMBANG 25150 KUANTAN, PAHANG

No Akaun : 10200
Peminjam : TAN GIN KEAT - 86040835**** 10-28-02 JALAN GANGSA, GREENLAND HEIGHTS 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN KIM PEW - 53091307**** 10-28-02 JALAN GANGSA, GREENLAND HEIGHTS, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN KIM SAN - 57122007**** 100-8-16 MEDAN PENAGA, TAMAN SELATAN , 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10201
Peminjam : TEH PING FEN - 84121807**** NO. 15 JALAN PAKIS, KUKUP 82300 JOHOR
Penjamin 1 : ANG JIN KIONG - 68081107**** 22 LORONG KENARI 13, DESARIA, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : PHEN KAR AIK - 83022002**** NO.37-B PEKAN KUALA PEGANG, 09110 BALING, KEDAH

No Akaun : 10203
Peminjam : RAGULAN A/L MURUGAYAH - 82062907**** NO. 2068 JALAN DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MURUKRISHAN A/L NANDAKUMAR - 79040902**** NO. 4 LORONG 1/1A, TAMAN MELOR, SUNGAI LAYAR, SUNGAI PETANI, 08000 KEDAH
Penjamin 2 : MURUGAYAH A/L PONNUSAMY - 58052907**** 878 KAMPUNG KOVIL, 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 10208
Peminjam : RAJENDREN A/L SAMSON - 82102007**** BLOK AJ-G-6, TAMAN TUN SARDON, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ANTHONY DASS A/L JOSEPH - 62051707**** 4-3-11 CHANGKAT MAYANG PASIR, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : CECILIA A/P ANTHONY DASS - 67022307**** 4-3-11 CHANGKAT MAYANG PASIR, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 10210
Peminjam : NOORAINI BINTI MOHAMED SIDEK - 82031907**** NO.507 JALAN NILAM 1, TAMAN DELIMA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : SITI HARNIZA BT MOHAMED SIDEK - 72060506**** 616 LORONG MESRA 35, TAMAN RIA MESRA, 08300 GURUN, KEDAH
Penjamin 2 : SUHAIDA BINTI MOHAMED SIDEK - 75101407**** NO. 507 JALAN NILAM 1, TAMAN DELIMA, SUNGAI PETANI, 08000 KEDAH

No Akaun : 10211
Peminjam : MIMA MELISA BINTI SHAHBAN - 81120371**** 38-9-9 PANGSAPURI CENTURY, TAMAN CENTURY 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SAKINAH BT ABD WAHAB - 51050507**** 38-9-9 TAMAN BATU UBAN, JALAN PANTAI JERJAK, 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZURINAH BT ABD WAHAB - 63041607**** BAH. PENTADBIRAN, THE STAR PUBLICATIONS, 17 LORONG MA AROF, BANGSAR 59000 KUALA LUMPUR

No Akaun : 10213
Peminjam : SITI ASA BINTI MOHD NOR - 86022535**** NO. 4 LORONG 15, TAMAN LIMA KONGSI, 14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 1 : ROHAYA BINTI MOHD NOR - 78052907**** NO.20 LORONG MERAK JAYA 50, TAMAN MERAK JAYA 14100 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 2 : MOHD FUAT BIN MD AMIN - 69052502**** NO.20 LORONG MERAK JAYA 50, TAMAN MERAK JAYA 14100 SIMPANG EMPAT, SPS

No Akaun : 10217
Peminjam : LEE KONG SANG - 83051607**** NO. 2 LORONG BIDARA 22, TAMAN BIDARA, MACHANG BUBOK, 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LEE LAY HWA - 72100607**** NO. 2 LORONG BIDARA 22, TAMAN BIDARA, MACHANG BUBOK, 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LEE LAY YIN - 74042307**** NO. 2 LORONG BIDARA 22, TAMAN BIDARA, MACHANG BUBOK, 14020 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10219
Peminjam : YOGESWARI A/P VELAYATHAM - 86030535**** 1D-05-06 DESA BAIDURI, JALAN RU 1, FARLIM 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SIVARAJOO A/L PALANIANDY - 62020202**** 251 DEKAT JALAN BATU MAUNG, BATU MAUNG, 11960 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SARASVATHI A/P RAJAN - 81081607**** 1B-12-09 DESA BAIDURI, JALAN RU 1, AIR ITAM, 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 10220
Peminjam : MOHD FAIZAL BIN WAN CHEK - 81052407**** 2B-7-3 PERSIARAN NURI, SETIA PULAU MUTIARA, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZAHARI BIN ISHAK - 62043007**** 105 JALAN 3/23 SEC. 3 TAMBAHAN, TAMAN BANGI 3, BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR
Penjamin 2 : MD NIZAM BIN WAN CHEK - 72053007**** 134 BLOCK K, MUKIM 12, TELOK TEMPOYAK, BATU MAUNG, 11960 PULAU PINANG

No Akaun : 10226
Peminjam : TUNG KAH HONG - 84080507**** 118 JALAN FREE SCHOOL 11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANGR
Penjamin 1 : LIM BOON LAY - 70042007**** NO.46-4-8 JALAN VAN PRAAGH 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM PHAIK BOON - 75101107**** 46-4-8 JALAN VAN PRAAGH 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10234
Peminjam : MOHD KHAIRUL AZHAR BIN ABD HALIL - 86102935**** TBP 719 MUKIM 9, TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SUZANA BINTI ABD HALIL - 79010507**** BLOK B-2-06 JALAN PINGGIARAN ALMA, TAMAN PINGGIRAN ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SUHAIMI BIN HAJI AHMAD - 56122407**** 321 MK 9, TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10235
Peminjam : AHMAD SHUKOR SAFIZUL BIN AB AZIZ - 84013007**** BLOK 6-1-4 SOLOK SUNGAI ARA 1, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SALBIAH BT AHMAD - 52101807**** 842 JALAN BANDAR PUTERI 2/20, BANDAR PUTERI JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : ARNIDA BT AB. AZIZ - 76081007**** 842 JALAN BANDAR PUTERI 2/20, BANDAR PUTERI JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 10242
Peminjam : WAN MAHANI BINTI MAHADZAR@ MAHADZIR - 83083007**** AF-1-8 TAMAN TUN SARDON, GELUGOR 11700 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD JASMIN BIN JAMALUDIN - 73070507**** 32 LORONG SERI MENGKUANG 4, TMN SERI MENGKUANG, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NORSHUHAILA BINTI AHMAD ROPAI - 75040408**** 32 LORONG SERI MENGKUANG 4, TMN SERI MENGKUANG, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10249
Peminjam : FIDZREL SHANAZ BIN FAZIN - 84043007**** 1379 JALAN CHE MURAD, KAMPUNG BELAT BATU 02600 ARAU, PERLIS
Penjamin 1 : FAZIN BIN ALI - 55052409**** 1379 JALAN CHE MURAD, KAMPUNG BELAT BATU, 02600 ARAU, PERLIS
Penjamin 2 : HAZIZAH BINTI ALI - 64010409**** LOT 2619 JALAN CHE MURAT , KAMPUNG BELAT BATU, 02600 ARAU, PERLIS

No Akaun : 10252
Peminjam : NG SEONG KHIM - 83030807**** 2A LORONG SERI PERMAI 2, TAMAN SERI PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG YAW PIN - 79081807**** 2A LORONG SERI PERMAI 2, TAMAN SERI PERMAI, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : CHONG EWE LIAN - 75121807**** 727 JALAN 5, KAMPUNG VALDOR, SUNGAI BAKAP, 14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 10255
Peminjam : NADEEYA BINTI IQBAL - 81050607**** 3-3-13 MEDAN TENGKU 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KALSOM BEE BT MD ISA - 54121407**** 3-3-13 MEDAN TENGKU, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAZALI LEE BIN ABDULLAH - 52082107**** 3-3-13 MEDAN TENGKU, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 10256
Peminjam : MOHD FAHMI BIN MD FIKRI - 86090935**** NO. 6305 PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : ABDULLAH BIN BAHAROM - 51112607**** NO.303 KAMPUNG PAYA, 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : FAZLINA BINTI MD FIKRI - 79013107**** BLOK E-4-20 TAMAN PUTRI GUNUNG, 14200 SIMPANG EMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 10260
Peminjam : JAS RIZAL BIN JAAPAR - 73101107**** 11A-11-03 HALAMAN CENDANA, PESIARAN MAYANG PASIR 8, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : JULIANA BINTI AZMI - 74072507**** 11A-11-03 HALAMAN CENDANA, PERSIARAN MAYANG PASIR 8, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : JAS RIMI BIN JAAPAR - 75111107**** 1145-B KAMPUNG BINJAI, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 10264
Peminjam : SITI SARAH BINTI AHMAD - 86031435**** 4205 JALAN PERMATANG BENDAHARI 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : YUSOF BIN OMAR - 73030607**** 916 JALAN BPJ 2/21, SEKSYEN 2, BANDAR PUTERI JAYA 08000 SG PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : NORSAHIRA BINTI ABD GHANI - 78101307**** 1887 PADANG BENGGALI, TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 10270
Peminjam : SIVABALAN A/L S KULASINGAM - 80120314**** NO.11 LENGKOK INDAH, TAMAN BUKIT INDAH, JALAN KULIM 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SAROJINI A/P KULAVEERASINGAM - 53100102**** 11 LENGKOK INDAH, TAMAN BUKIT INDAH, JALAN KULIM, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ZAHRAH BINTI MUHAMMAD - 57051807**** 23 TINGKAT SIAKAP 11, 13700 SEBERANG JAYA

No Akaun : 10275
Peminjam : HARNANI BINTI MOHAMED - 81100307**** NO 45 JALAN BU 1/3 BANDAR UTAMA 47800 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : HARYATI BINTI MOHAMED - 75053007**** B2-11-6 PANTAI HILLPARK, PHASE 5, JALAN PANTAI DALAM, 59200 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : NATASYA BINTI MOHD SALLEH - 77062110**** 21 JALAN TERATAI 1/5, TAMAN BUKIT TERATAI, 56100 CHERAS, KUALA LUMPUR

No Akaun : 10276
Peminjam : LIM CHAN HONG - 85052907**** NO.43 TINGKAT SERINDIT 6, TAMAN DESA JAWI 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : LIM SOK BOEY – (MENINGGAL DUNIA) 111 JALAN HARUAN 2, TAMAN HARUAN, KELANG LAMA, 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : YEOH ENG TATT - 78121407**** 9B-22-16 JALAN VAN PRAAGH, BANDAR JELUTONG, 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10277
Peminjam : MUNIRAH BINTI ABU HASSAN - 86011035**** 320 KAMPUNG LIMA KONGSI, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : MASITA BT REJAB - 59090907**** 320 KAMPUNG LIMA KONGSI, SUNGAI BAKAP, 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 2 : MUHAMMAD AZIZI BIN ZAINOL - 78011607**** TS 3011 KAMPUNG LIMA KONGSI, SUNGAI BAKAP, 14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 10280
Peminjam : IBRAHIM BIN MD JAKI - 86010607**** 1707 PERMATANG MAGGIS 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : HALIZA BINTI MD JAKI - 76081707**** 1410 KUATERS KLINIK DESA, PERMATANG SINTOK 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : AZIZAH BINTI BRAHIM - 76030607**** KLINIK DESA PERMATANG BULOH, 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 10282
Peminjam : SAFARINA BINTI CHE EMBY - 80010207**** JAB. PENGAIRAN & SALIRAN PULAU PINANG, SPS. KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN 14200 JAWI
Penjamin 1 : ROSIDAH BINTI AHMAD - 78050602**** KAMPUNG MATANG KERIANG, MUKIM JERAM, 06000 JITRA, KEDAH
Penjamin 2 : SALASIAH BINTI HASAN - 80021208**** PEJABAT JURUTERA DAERAH, TINGKAT 3 BANGUNAN PENTADBIRAN DAERAH 71009 PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

No Akaun : 10283
Peminjam : NORSHAHIDA BINTI OTHMAN - 80031107**** NO.1281 MK 5 KAMPUNG PETANI, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : Lt Kol MOHD NOOR BIN HASNAANIN - 58042107**** NO. 4 JALAN MAWAR 2/4A, ZON MAWAR, AMBANGAN HEIGHT 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : SITI AMINAH BT HASNAANIN - 78021107**** 603 MK 5 KAMPUNG PETANI, 14400 KUBANG SEMANG, BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10289
Peminjam : SITI FARAH WAHIDA BINTI MAZLAN - 82122414**** NO.1480 POKOK SENA 13220 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHD HASANUDIN BIN RAMLI - 81021506**** NO. 532C BLOK T, JALAN JENAHAK 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 2 : SAMSIAH BINTI SAAD - 60010907**** NO.1746 MERBAU KUDUNG, 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH

No Akaun : 10291
Peminjam : MAZAWATI BINTI MANSOR - 76011607**** 87 LORONG BLM 4/9, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : MARHANIZA BINTI MANSOR - 73090807**** NO. 137 LORONG BLM 3/1, BANDAR LAGUNA MERBOK, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : AZIDIN BIN ISMAIL - 65031202**** NO. 55-F LORONG 3, TAMAN SUNGAI LALANG, 08100 BEDONG, KEDAH

# Jamuan KFC, tunai permintaan penghuni *Happy Retirement Homes* sempena Tahun Baru Cina

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PINANG TUNGGAL** - Menjelang sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini, 56 warga emas yang menghuni *Happy Retirement Homes* dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal diraikan dalam majlis jamuan ringkas, pemberian buah limau dan hamper sumbangan di sini.

Penyelaras Penggerak Komuniti Muda (PEKA) iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Adam Adli Abdul Halim memberitahu, makanan segera popular *Kentucky Fried Chicken* (KFC) yang disediakan secara sederhana tersebut adalah hasrat langsung rata-rata penghuni rumah orang tua berkenaan.

"Sebenarnya, dua tiga program telahpun dianjurkan sebelum ini, cuma, program ini PEKA anjur sempena Tahun Baru Cina.

"Juadah KFC ini adalah permintaan penghuni di sini sendiri, jadi kita datang untuk tunaikan hajat mereka ini," jelasnya kepada pemberita selepas selesai acara ramah mesra di sini.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong yang juga Pengerusi PEKA; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri, KADUN (PPK) Pinang Tunggal, Ustaz Muhasdey Mohamad serta Lay Hock Peng selaku Pegawai Penyelaras Khas Kepada Ketua Menteri turut berucap pada majlis sama.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohamad Shaipol Ismail, anggota-anggota PEKA serta barisan kepemimpinan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Lahar Tiang.

Ustaz Muhasdey dalam ucapannya memberitahu, Islam tidak pernah melarang umatnya melakukan kebaikan, meskipun kepada orang bukan Islam yang begitu melayan baik ke atas umat Islam.

"Datuk Rasulullah S.A.W. bernama Abdul Mutalib dan bapa saudaranya, Abu Talib juga adalah *non-Muslim*, tapi begitu baik melindungi diri Rasulullah S.A.W..

"Padanlah Islam tidak larang umatnya buat baik kepada *non-Muslim* yang baik, dan Rasulullah S.A.W. telah tunjuk contoh yang terbaik iaitu Islam sebagai Rahmat Ke Seluruh Alam.

"Maka, inisiatif PEKA anjur program rai warga emas di sini adalah contoh terbaik bahawa Islam ajar buat baik kepada mereka yang baik, tak kira agama atau bangsa," jelasnya ketika mengupas pengajaran ayat 8 Surah Al-Mumtahanah.



**MUHASDEY Muhammad *(bervest)* sambil diperhatikan Steven Sim Chee Keong (berbaju putih) menyampaikan sumbangan hamper kepada salah seorang penghuni *Happy Retirement Homes* pada majlis jamuan khas sempena sambutan Tahun Baru Cina di sini baru-baru ini.**


## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

BERSATU DAN SETIA

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10294
Peminjam : NORHIDAYAH BINTI NORSHAMSUDIN - 84100214****
NO. 1421 TAMAN MELATI, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : ROHAYAHWATI BINTI AHMED - 66031707****
NO. 125 PERSIARAN SEKSYEN 3/9, BANDAR PUTRA BERTAM, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHD KHERUDDIN BIN AHMED - 72021707****
NO. 19 PERSIARAN SEKSYEN 3/20, BANDAR PUTRA BERTAM, 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 10307
Peminjam : ZEE KUM WING - 84052307****
BLOK 5-13-12, LINTANG MACALLUM 2, 10300 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : LIM SIN KHEANG - 62091302****
NO. 30 JALAN SS 17/3B, 47500 SUBANG JAYA, SELANGOR
Penjamin 2 : LIM GUAT EAN - 56100907****
350-5-1 FLAT LEBUH MACALLUM, 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 10319
Peminjam : B RAJINISRI A/P BAYER KANU - 83122807****
NO. 85, JALAN KERONGSANG 6, BANDAR PUTERI 41200 KLANG, SELANGOR
Penjamin 1 : SUBRAMANIAM A/L VISWANATHAN - 65021502****
24 LORONG TASEK MUTIARA 14SS2, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : VASUDEVAN A/L VISWANATHAN - 69022802****
9 LORONG SEJAHTERA 17, TAMAN SEJAHTERA, ALMA, 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10327
Peminjam : MOHD NASEER BIN ABU BAKAR - 82041807****
6-G-8 PANGSAPURI IDAMAN 13700 PERAI
Penjamin 1 : ABU BAKAR BIN MUHAMAD – (MENINGGAL DUNIA)
NO. 2252 TAMAN MELATI, 09400 PADANG SERAI , KEDAH
Penjamin 2 : SAIFUL IMRAN BIN MOHAMED YUSOF - 76060508****
113-02-06 VISTARIA CONDOMINIUM, JALAN KENARI, DESARIA, SG. ARA 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 10334
Peminjam : YEOH WEI MEI - 84020707****
BLOK D-8-17, RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK 11400 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KOAY PHAIK SIEW - 56100707****
4D-05-19 LORONG SEMARAK API 1, 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOWRI A/P RAMASAMY - 73050107****
BLOK H-4-3 TAMAN DESA RELAU , LEBUH RELAU 2, BAYAN LEPAS, 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 10337
Peminjam : HENG KAI PERNG - 82121007****
20 LORONG GEMILANG RIA 2, TAMAN GEMILANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : TUNG POAY CHOO - 58090307****
73 C23-2 CENTRAL PARK, LEBUHRAYA JELUTONG, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KOH SWEE KAM - 63122907****
14 LORONG KERJASAMA 3, TAMAN KERJASAMA, 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10344
Peminjam : NAGENDRA RAO A/L SUBRAMANIAM - 83080507****
BLOK A-3-19 LORONG TENGGIRI 4, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : PRAMITHA A/P SUBRAMANIAM - 81070707****
8B LOT 860 KAMPUNG PAYA BESAR, 09600 LUNAS, KEDAH,
Penjamin 2 : SUBRAMANIAM A/L JOGULOO - 52050302****
47 JALAN TUPAI TERBANG 5 , TAMAN SRI SAGA, BATU PAHAT 83000 JOHOR

No Akaun : 10346
Peminjam : MASITAH BINTI AHMAD - 86082635****
NO. 70 LORONG CASSIA TENGAH 12, BANDAR CASSIA 14100 BATU KAWAN, SPS
Penjamin 1 : ABDUL RAHIM BIN ABDULLAH - 58050207****
1283 KEPALA BUKIT, BUKIT TAMBUN 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : NORRASHIDI BIN MOHD NOOR - 66041107****
NO. 34 JALAN TAMBUN, TAMAN BUKIT TAMBUN 14110 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 10359
Peminjam : MOHD ALLIF BIN MD SALLEH - 87070535****
NO. 11 LORONG KESUMBA 4, TAMAN KESUMBA, SUNGAI BAKAP 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : ROHANI BINTI AHMAD - 61112807****
NO. 32 LORONG KESUMBA 1 , TAMAN KESUMBA, SUNGAI BAKAP , 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 2 : MASITA BINTI REJAB - 59090907****
320 KAMPUNG LIMA KONGSI, SUNGAI BAKAP, 14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 10362
Peminjam : THIAGU A/L GANDIVAN - 81122307****
30 JLN KP 2/4, KOTA PERDANA, BANDAR PUTRA PERMAI 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 1 : VELOO A/L THANNIMALAI - 65030302*****
NO.6006 JALAN DUA 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : CHITRABALAN A/L MUNIANDY - 67090807****
NO. 1748 JALAN SEKOLAH, 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 10363
Peminjam : INTAN NUR FARRAH BINTI RAHMAT - 87103035****
MBT 437 KR LOT 6052A, PARIT PENYENGAT, PARIT JAWA 84150 MUAR, JOHOR
Penjamin 1 : RAHMAT BIN M SALLEH - 56062001****
MBP 437 KR LOT 6052/A, PT PENYENGAT, JALAN BATU PAHAT, 84150 MUAR, JOHOR
Penjamin 2 : GANASAN A/L RETHNAM - 55120208****
NO. 9 LORONG SUTERA 8, TAMAN SUTERA, 13700 SEBERANG JAYA

No Akaun : 10365
Peminjam : WILLIAM A/L DEVASAGAYAM - 81012107****
NO. 10 JALAN PAHLAWAN, TAMAN LAGENDA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : DEVASAGAYAM A/L SOOSAY - 54071107****
NO.1918 MK 15 LADANG ALMA, 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2 : PUVANDERAN A/L GOPAL KRISHNAN - 82091907****
23 TINGKAT KANCIL 1, TAMAN HWA SENG, ALMA, 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10352
Peminjam : MOHD SYAIBATUL HAMDI BIN HASHIM - 87021335****
1399 MK 20 KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABDUL MUTALIB BIN MOHD NOR - 60031608****
NO. 7 LORONG PENAGA 27, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : FATHINATUL SAADIYAH BINTI HASHIM - 66122507****
NO.1399 MK 20, KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH

No Akaun : 10373
Peminjam : YEOH KAH PIN - 83060407****
1-11-04 LEBUH SUNGAI PINANG 7, DESA PINANG 2, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEOH KOK HIN - 55052507****
1-A6-1 TAMAN KILANGIN, JALAN SUNGAI 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SARAVANAN A/L PARASU RAMAN CHETTY - 69040907****
8B-3-2 GAT LEBUH MACALLUM, KOMPLEKS PULAU MUTIARA 10300 PULAU PINANG

# Pemeteraian usahasama, bukti P. Pinang terus tarik kemasukan pelabur – Kah Choon

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang masih lagi kekal menjadi salah sebuah lokasi utama pilihan pelabur di Malaysia khususnya dalam sektor perkhidmatan perniagaan global (GBS) membabitkan aktiviti penyumberan luar perkongsian perkhidmatan (SSO).

Pengarah investPenang, Datuk Seri Lee Kah Choon berkata, lebih 50 syarikat asing dan tempatan menjalankan pelbagai aktiviti SSO yang terdiri daripada penyumberan luar proses perniagaan (BPO), penyumberan luar teknologi maklumat (ITO) dan penyumberan luar proses pengetahuan (KPO).

"Syarikat-syarikat berkaitan terlibat dalam pelbagai lapangan antaranya, teknologi maklumat, pembangunan perisian, perbankan dan kewangan, pembangunan proses reka bentuk dan lain-lain.

"Selain itu, pembangunan unit-unit kediaman masih lagi rancak di negeri ini, sungguhpun terdapat laporan yang cuba memburuk-burukkan negeri ini dengan menyatakan bahawa pelabur hilang keyakinan terhadap Pulau Pinang.

"Lagipun, pernahkah anda (wartawan) dengar tentang pengangguran yang sangat banyak...*massive unemployment in Penang*? Sebaliknya, kita di Pulau Pinang kekurangan sumber tenaga manusia," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kah Choon memberitahu, melalui sektor GBS dan SSO sahaja, kira-kira 8,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi ditawarkan sehingga akhir tahun 2015.



LEE Kah Choon.

Kini, katanya, Pulau Pinang masih lagi memerlukan sumber tenaga manusia mahir dan separa mahir dengan jangkaan 2,800 peluang pekerjaan ditawarkan untuk tiga tahun akan datang.

Ulas Kah Choon, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) kini sedang menaik taraf Mayang Mall di Bayan Baru dalam usaha mengembangkan lagi sektor GBS ini.

"Kilang-kilang pembuatan dan pengeluaran di Pulau Pinang juga masih lagi beroperasi dan Pulau Pinang sebagai salah sebuah negeri industri di Malaysia pastinya tidak terlepas dari situasi ekonomi global, cuma kesannya tidaklah seperti yang didakwa oleh Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Osman baru-baru ini.

"Kenyataan beliau seolah-olah pelabur hilang keyakinan untuk terus melabur di Pulau Pinang sedangkan hakikatnya, Pulau Pinang masih kekal sebagai destinasi unggul pelabur.

"(Dan) Pulau Pinang 'cuba' sebaik mungkin untuk kekal di tahap sedia ada dan sedia berhadapan dengan cabaran ekonomi dunia tidak menentu termasuk berita-berita yang kurang menyenangkan," ujarnya yang merujuk kepada laporan berita yang cuba memburukkan imej negeri ini.

Kah Choon dalam pada itu menyambut baik usahasama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan pemaju *EcoWorld Development Group* (EcoWorld) membangunkan dua bandar baru membabitkan kawasan seluas 152 hektar di Batu Kawan dengan nilai pembangunan kasar kedua-duanya mencecah RM7.8 bilion.

"Saya tidak lihat pun situasi pelabur hilang keyakinan terhadap Pulau Pinang apabila KWSP dan EcoWorld memeterai usahasama membangunkan Batu Kawan...hal ini membuktikan Pulau Pinang terus menarik kemasukan pelabur," katanya.

## Aemulus labur RM25 juta, harap kembangkan sektor E&E negeri

**GEORGE TOWN -** Aemulus Corporation Sdn. Bhd. (Aemulus) melabur sejumlah RM25 juta dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) selama tiga tahun, dengan membeli sebidang tanah di Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas untuk kegunaan operasi kilang pengeluaran peranti ujian automatik (ATE) dan sebagainya.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap pelaburan Aumulus itu akan menyumbang kepada perkembangan sektor elektrik dan elektronik (E&E) negara di Pulau Pinang.

"Tanah 1.62 ekar untuk pembinaan kemudahan Aemulus ini diharap akan memberi manfaat kepada ekosistem E&E, sekaligus memberi sumbangan positif terhadap ekonomi negeri," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam berkata demikian selepas menyaksikan Majlis Tandatangan Perjanjian Jual Beli Tanah antara Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar dan Pengarah Eksekutif Aemulus, Ng Sang Beng.

Turut menyaksikan, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng, barisan kepemimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil Aemulus.

Menurut Guan Eng, **keyakinan pelabur ke negeri ini sebenarnya berdasarkan rekod tadbir urus Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang sedia ada.**

**"Dalam tempoh lapan tahun mulai 2008 hingga 2015, Pulau Pinang mencatat pelaburan sebanyak RM55 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 90 peratus berbanding tempoh lapan tahun sebelumnya (mulai 2000 hingga 2007) sebanyak RM29 bilion.**

**"Pulau Pinang, walaupun merupakan negeri kedua terkecil di Malaysia, menyumbang tujuh peratus kepada KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) Malaysia**," jelasnya.

Tambah Guan Eng, industri E&E masih kekal antara penyumbang utama kepada ekonomi Pulau Pinang, sungguhpun ketika negara sendiri sedang mengharungi ekonomi yang kian mencabar.

"Walaupun eksport tahunan Malaysia menunjukkan pertumbuhan perlahan 0.5 peratus pada 2016, namun, eksport tahunan E&E Malaysia berkembang sebanyak 7.8 peratus pada November 2016.

"Sektor (E&E) ini juga menyumbang 36.7 peratus daripada eksport keseluruhan Malaysia pada bulan Januari hingga November 2016, meningkat sebanyak 1 peratus, berbanding eksport Malaysia dalam tempoh yang sama pada tahun 2015," jelasnya.

Sebelum itu, Sang Beng memberitahu, Aemulus merekodkan pertumbuhan memberangsangkan, dengan pendapatan syarikat meningkat daripada RM11 juta bagi tahun 2012 kepada RM32.6 juta (2015).

Direkodkan, Aemulus mencatatkan Kadar Pertumbuhan Tahunan Majmuk (CAGR) sebanyak 31.2 peratus, manakala, keuntungan bersih meningkat daripada RM1 juta pada 2012 kepada RM9 juta (2015), dengan CAGR sebanyak 73 peratus.

Tambah Seng Beng, projek pembinaan pejabat korporat berkeluasan 50,000 kaki persegi serta pusat reka bentuk industri Aemulus dijangka siap sepenuhnya menjelang bulan Disember 2018.

## P. Pinang sebagai negeri bertaraf antarabangsa, keyakinan pelabur & pelancong adalah perkara utama - KM

**BAYAN BARU –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mahu warga kerja Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) meningkatkan kualiti kerja dan memanfaatkan kepercayaan yang diberikan sebaik mungkin.

Guan Eng dalam ucapannya mengingatkan semua kakitangan perbadanan tersebut agar memegang tugas yang diamanahkan oleh rakyat dengan jujur.

"Kita (Kerajaan Negeri) harap semua projek-projek yang dijalankan akan dilaksanakan dengan baik, warga PDC perlulah bekerja dengan ikhlas, rajin dan bersih

"Sekiranya kita menunjukkan komitmen kerja yang baik, maka kita dapat mencapai hasrat untuk mentransformasikan Pulau Pinang menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa.

"Justeru, saya berharap semua kakitangan (PDC) akan bekerja dengan lebih rajin dan bersungguh-sungguh supaya dalam keadaan ekonomi yang lebih mencabar ini, kita (Kerajaan Negeri) boleh terus mencapai keuntungan," ujarnya pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina PDC di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan) serta Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Kira-kira 300 kakitangan dan jemputan khas hadir memeriahkan sambutan Tahun Ayam tersebut.

Dalam pada itu, Guan Eng yang juga merupakan Pengerusi PDC berkata, untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bertaraf antarabangsa, keyakinan pelabur dan pelancong adalah perkara utama.

"Sekiranya pelabur yakin, maka kita boleh lihat transformasi seperti kini yang berlaku di Pulau Pinang.

"Tanpa keyakinan, sungguhpun Kerajaan Negeri membelanjakan wang, pelabur tidak akan datang juga.

"Maka, saya berharap model P4 (*Public Private Partnership*) akan terus menjadi model pembangunan Pulau Pinang di masa hadapan," ujar beliau.

# Pembangunan RM63 juta PAC jangka siap suku pertama 2019



KETUA Menteri dan Mohd. Rashid Hasnon (kanan sekali) mendengar keterangan daripada Chu Jenn Weng (dua dari kiri) pada majlis sidang media pengumuman pembangunan PAC di sini baru-baru ini.

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri baru-baru ini mengumumkan pembangunan *Penang Automation Cluster* (PAC) bernilai RM63 juta di Taman Perindustrian Batu Kawan, Seberang Perai Selatan (SPS) yang dijangka bermula pada suku ketiga 2017 dan siap menjelang suku pertama dua tahun kemudian.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, PAC merupakan sebuah pusat sehenti pembekalan komponen logam bagi syarikat-syarikat multinasional (MNC) yang pertama seumpamanya di Malaysia, hasil usahasama tiga syarikat gergasi tempatan iaitu ViTrox Corporation Berhad (ViTrox), Pentamaster Technology (M) Sdn. Bhd. (Pentamaster) dan Walta Engineering Sdn. Bhd. (Walta) yang membentuk Penang Automation Cluster Sdn. Bhd.

"Sejumlah RM980 juta hasil dianggarkan menjelang tahun 2021 bagi ketiga-tiga syarikat terbabit dengan nilai pelaburan dijangka mencecah RM63 juta iaitu RM23 juta daripada PAC dan RM40 juta lagi daripada 18 syarikat kluster perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Malah, kesan limpahan (*spillover effect*) bagi 18 buah syarikat kluster PKS ini juga hasilnya diunjurkan melebihi RM118 juta," jelasnya pada sidang media di sini 8 Februari lalu.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat; Pengarah investPenang, Datuk Seri Lee Kah Choon; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar dan Pengurus Besar investPenang, Loo Lee Lian.

Wakil-wakil daripada syarikat usahasama, Ketua Pegawai Eksekutif ViTrox, Chu Jenn Weng; Pengerusi Eksekutif Pentamaster, Chuah Choon Bin dan Pengarah Urusan Walta, Goh Kheng Sneah turut hadir.

Dalam pada itu, Guan Eng turut mengumumkan bahawa ketiga-tiga syarikat usahasama bakal mengembangkan operasinya di Batu Kawan dengan ViTrox melaburkan RM120 juta bagi membangunkan ViTrox Campus 2.0 dan Pentamaster serta Walta masing-masing RM50, membangunkan fasiliti baharu.

Dianggarkan sejumlah 500 peluang pekerjaan akan wujud apabila PAC mula beroperasi kelak dan keutamaan akan diberikan kepada pelatih yang menyertai *German Dual Vocational Training* (GDVT) iaitu program latihan industri pertama seumpamanya di Malaysia.

"Kerajaan Negeri telah melaburkan RM6 juta bagi program GDVT, dan pastinya keutamaan diberikan kepada pelatih yang terlatih," ujarnya.

Fasa pertama PAC akan dibangunkan di atas tanah berkeluasan 5 ekar dan dijangka siap serta beroperasi sepenuhnya menjelang tahun 2019 nanti.



# TDP penggerak generasi muda ceburi STEM

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Dalam tempoh lapan bulan operasi, iaitu sejak dibuka pada Julai 2016 hingga awal Februari tahun ini, *Tech Dome Penang* (TDP) mencatatkan kehadiran pengunjung berjumlah lebih 40,000 pengunjung dari dalam dan luar negara.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, sejak TDP dirasmikan Ketua Menteri pada 16 Julai 2016, seramai 40,000 pengunjung telah melawat pusat sains berkenaan dalam tempoh lapan bulan operasi.

"Yang istimewanya, kita menerima pelawat dari pelbagai peringkat umur.

"Ini merupakan petanda baik bukan sahaja untuk TDP, malah juga kepada Kerajaan Negeri selaras dengan misi kita (Kerajaan Negeri) dalam menggalak dan memberi motivasi kepada generasi muda untuk menceburi bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik).

"Diharapkan, generasi pelapis ini akan meneruskan kerjaya dalam bidang STEM dan sekaligus membantu mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai pusat yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, cemerlang di dalam bidang sains dan teknologi," ujarnya pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina TDP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Sempena penganjuran tersebut, Kon Yeow, Chong Eng dan Lai Heng turut menaja 70 kanak-kanak kurang bernasib baik dari beberapa pertubuhan kebajikan untuk mengadakan lawatan ke TDP.

Malah, sempena sambutan Hari Wanita Sedunia (HWS) Mac ini, TDP dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bakal menganjurkan bengkel *Women in Zcience Conference and Workshop 2017* (WiZ2017) pada 3 hingga 5 Mac 2017.

Chong Eng dalam ucapannya menyatakan bahawa, Kerajaan Negeri percaya dengan pembabitan dalam bidang berkenaan, ia bukan sahaja akan memberi manfaat kepada wanita itu sendiri, malah juga terhadap prospek ekonomi Pulau Pinang.

"Bengkel WiZ2017 bakal menampilkan para pemimpin wanita yang berjaya di dalam industri sains dan teknologi, yang mana mereka akan dijemput khas untuk berkongsi kisah kejayaan masing-masing.

"Ini adalah sebagai pendedahan dan inspirasi kepada golongan pelajar-pelajar untuk meneroka dan mengembangkan kerjaya dalam bidang sains kelak," jelas beliau.



CHONG Eng mencuba salah sebuah permainan yang terdapat di TDP.


CHOW Kon Yeow (barisan belakang, kanan sekali) dan golongan kanak-kanak terpegun melihat aksi tarian singa pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina TDP di sini baru-baru ini.



# Masjid Albukhary bakal manfaat lebih 1,500 keluarga Islam

**SUNGAI PINANG** - Pembinaan sebuah masjid di atas tanah seluas 3.3 hektar di Bandar Seri Pinang dekat sini bakal memanfaatkan lebih 1,500 keluarga Islam apabila siap kelak.

Selain itu, masjid yang mampu menampung sehingga 2,000 jemaah dalam satu-satu masa tersebut bakal menyelesaikan masalah Surau As-Solihin yang kini tidak dapat menampung pertambahan jemaah.

Masjid yang menerapkan konsep 'masjid dalam taman' itu bakal menjadi masjid pertama di Pulau Pinang yang dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan Albukhary.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir pada upacara simbolik Majlis Pecah Tanah Masjid Albukhary menzahirkan ucapan terima kasih kepada Yayasan Albukhary yang membiayai kos pembinaan masjid berjumlah RM5 juta dan seterusnya mewakafkannya kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun (Yang di-Pertua Negeri, TYT Tun Dr. Abdul Rahman Abbas) kerana mengambil inisiatif sendiri mencadangkan kepada Yayasan Albukhary supaya mewakafkan sebuah masjid di kawasan ini," ucapnya pada majlis yang disempurnakan oleh TYT di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan wakil daripada Yayasan Albukhary, Datuk Seri Che Khalib Mohamad Noh.

Difahamkan, masjid yang terletak berdekatan Persiaran Karpal Singh itu bukan sahaja strategik, malah reka bentuknya yang dipilih sendiri oleh TYT mampu menggamit kehadiran pelancong.

Masjid Albukhary bakal dilengkapi dengan ruang solat lelaki dan wanita, ruang pejabat, dewan kuliah, bilik pengurusan jenazah serta 100 ruang parkir yang selesa.



**DR. Abdul Rahman Abbas (kiri sekali) sambil diiiringi Ketua Menteri, Mohd. Rashid Hasnon (barisan depan, kanan sekali) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan pada Majlis Pecah Tanah Masjid Albukhary di sini baru-baru ini.**

## Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Bt. Maung harap bantu capai sasaran 40% kadar kitar semula

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**BATU MAUNG** – Pembangunan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Batu Maung baharu dan tapak pelupusan sedia ada di Pulau Burong diharap dapat menjayakan matlamat Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran 40 peratus kadar kitar semula.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, **sama ada Pulau Pinang boleh menepati sasaran tersebut ataupun tidak, ia bergantung kepada sokongan dan penglibatan masyarakat keseluruhannya.**

**"Sungguhpun kita (Kerajaan Negeri) bangga Pulau Pinang kini mempunyai kadar kitar semula sebanyak 31 peratus berbanding kadar kebangsaan yang hanya 10.5 peratus, namun kita harus sedar bahawa untuk menjadi sebuah negeri maju, masyarakatnya perlu mengutamakan kebersihan di dalam kehidupan seharian.**

**"Ia bukan hanya bergantung kepada infrastruktur semata-mata, kerana Kerajaan Negeri telah lakukan seberapa yang boleh untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bersih dan hijau.**

**"Adalah menjadi cabaran kita untuk melaksanakan projek pelupusan di negeri ini ekoran terdapat kekangan seperti faktor kewangan, keperluan dan juga kegunaan tanah.**

"Maka, dengan pembangunan stesen pemindahan sisa pepejal ini dan tapak pelupusan sedia ada (Tapak Pelupusan Pulau Burong), diharap mampu membantu mencapai matlamat 40 peratus dan seterusnya 50 peratus iaitu melahirkan sebuah negeri hijau pada masa hadapan," ujarnya pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Batu Maung berhampiran Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di sini 16 Februari lalu.



**CHOW Kon Yeow (tengah) sedang memberi penjelasan berhubung pembinaan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Batu Maung pada majlis pecah tanahnya di sini baru-baru ini.**




**ILUSTRASI grafik Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Batu Maung yang bakal dibangunkan.**

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail dan Setiausaha Bandaraya, Ar. Yew Tung Seang.

Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Batu Maung yang melibatkan kos perbelanjaan sebanyak RM61,436,722 tersebut dibiayai oleh Eurasia Express Sdn. Bhd. (EESB) iaitu selaku pemaju projek yang dilantik oleh MBPP.

Di samping itu, EESB turut dipertanggungjawabkan untuk mengendali pengoperasian projek berkaitan untuk tempoh 16 tahun, yang mana setiap tahun, kos sejumlah RM1.5 juta bakal dibiayai oleh MBPP.

Difahamkan, stesen pemindahan berkeluasan 13 ekar mampu menampung sejumlah 600 tan sampah sisa pepejal pada satu-satu masa, akan mula dibangunkan pada 1 April ini dan dijangka siap sepenuhnya 18 bulan akan datang

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, dalam menuju ke arah sebuah negeri bersih dan hijau, pelupusan serta pengurusan sisa pepejal perlu dilakukan secara baik, professional dan efisien.

"Stesen pemindahan ini akan memainkan peranan sebagai pusat transit untuk sisa pepejal sebelum dilupuskan di Tapak Pelupusan Sungai Burong, Seberang Perai Selatan (SPS).

"Ia terletak di lokasi strategik dan ideal untuk pengurusan pelupusan yang mengikut *Guidelines For The Siting and Zoning of Industrial and Residential Areas*.

"Bukan sahaja terletak berdekatan lebuh raya yang memudahkan penghantaran (sisa pepejal) menggunakan jalan darat, malah jika berlaku sebarang kemungkinan, kita mempunyai alternatif lain iaitu menggunakan jalan laut," jelas beliau.

# Pemandu teksi umpama 'duta kecil', enjin penggerak penting P. Pinang - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri percaya, hasil usaha Kerajaan Negeri dengan rakyat Pulau Pinang dan keyakinan para pelabur, Pulau Pinang akan terus menjadi negeri hebat di Malaysia.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Makan Tengahari Bersama-sama 400 Pemandu Teksi Pulau Pinang anjuran The TOP, Komtar baru-baru ini.

Katanya, Kerajaan Negeri akan terus membantu pemandu teksi di Pulau Pinang menjana pendapatan.

"Kerajaan Negeri akan lihat bagaimana hendak membantu pemandu teksi, selain daripada memberi bantuan RM600 setahun.

"Malah, kerjasama yang baik dengan Kementerian Pelancongan Malaysia, saya yakin kita boleh mengharumkan nama Pulau Pinang," ucapnya yang disambut dengan tepukan gemuruh daripada pemandu-pemandu teksi yang hadir.

Hadir sama, Penasihat Strategik Kepada Ketua Menteri, Datuk Saifuddin Nasution Ismail; Pengerusi Gabungan Persatuan Pemandu Teksi Pulau Pinang, Abd. Malik Darus; Ketua Pegawai Eksekutif Only World Group (OWG), Datuk Sri Richard Koh dan Ketua Pegawai Operasi (Kumpulan) OWG, Datuk Jean Koh.

Tambah Guan Eng, beliau berharap agar pemandu-pemandu teksi di Pulau Pinang dapat menjadi 'duta kecil' mempromosikan tarikan pelancongan di negeri ini.

"Pemandu teksi umpama 'duta kecil' di Pulau Pinang yang menjadi 'enjin' penggerak penting bagi mempromosikan lokasi-lokasi tarikan pelancongan seperti Bukit Bendera, Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan yang terkini Komtar.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, pastinya kami akan memperbanyakkan lagi tarikan pelancongan di negeri ini dalam usaha mentransformasikan Pulau Pinang sebagai salah sebuah destinasi pelancongan utama di Malaysia.

"Jadi, saya harap tuan-tuan dan puan-puan (pemandu teksi) dapat membantu mempromosikan Pulau Pinang supaya kita sama-sama dapat menjadikan negeri ini maju jaya," ujarnya pada majlis berkaitan.



KETUA Menteri beramah-mesra dengan Abd. Malik Darus (dua dari kanan) pada Majlis Makan Tengahari Bersama-sama Pemandu Teksi Pulau Pinang anjuran The TOP, Komtar di sini baru-baru ini.

**IKLAN JAWATAN KOSONG**
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Seberang Perai seperti berikut :

| BIL | JAWATAN | GRED | TARAF | KEKOSONGAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penolong Akauntan (Audit) | W29 | Tetap | 1 |
| 2. | Penolong Pegawai Senibina | JA29 | Tetap | 1 |
| 3. | Penolong Pegawai Veterinar | G29 | Tetap | 1 |
| 4. | Pembantu Kesihatan Awam | U19 | Tetap | 1 |
| 5. | Pembantu Tadbir Undang-Undang | L19 | Tetap | 1 |
| 6. | Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) | N19 | Kontrak | 3 |
| 7. | Pembantu Akauntan (Audit) | W19 | Tetap | 1 |
| 8. | Pembantu Tadbir (Operator Telefon) | N19 | Tetap | 1 |
| 9. | Pembantu Setiausaha Pejabat | N19 | Tetap | 1 |

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Iklan ini juga disiarkan di dalam akhbar Sinar Harian, The Star, Kwong Wah Yit Poh dan Malaysian Nanban pada **20 Februari 2017.** Tarikh tutup iklan pada **06 Mac 2017**

**SYARAT LANTIKAN**

Syarat lantikan secara terperinci berserta dengan maklumat lanjut berkenaan dengan jawatan-jawatan yang diiklankan boleh diperolehi dengan melayari laman web e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai di www.mpsp.gov.my.

**CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari sistem e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan membuat permohonan secara atas talian (*online*) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan di www.mpsp.gov.my.

**CATATAN AM**

(a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

(b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

(c) Pemohon-pemohon yang telah mendaftar di laman e-jawatan MPSP hendaklah mengemaskini semua maklumat permohonan sebelum memohon jawatan yang diiklankan.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Bahagian Perjawatan di talian 04-5497 732/ 04-5497 431/ 04-5497 430 atau email ke perjawatan@mpsp.gov.my.

# *CNN* 'beri' sebab untuk ke Pulau Pinang

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang sekali lagi diberi pengiktirafan oleh stesen penyiaran berpangkalan di Amerika Syarikat, *CNN* dengan menyenaraikan sembilan sebab untuk datang ke Pulau Mutiara tanpa dikaitkan dengan faktor makanan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, pengiktirafan di peringkat antarabangsa tersebut bukanlah kali pertama.

"Sebelum ini, Pulau Pinang turut disenaraikan sebagai salah satu daripada 17 destinasi di dunia yang harus dikunjungi pada tahun ini oleh *CNN*.

"Pulau Pinang diletakkan di tangga kedua di belakang Prince Edward Island, Kanada dan menjadi antara tiga destinasi di Asia yang tersenarai selain Thailand dan China," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, pastinya umum mengetahui bahawa Pulau Pinang terkenal dengan jolokan 'syurga makanan'.

"Tetapi pengiktirafan terbaru oleh *CNN* ini langsung tiada kaitan dengan makanan, sebaliknya memberi sembilan sebab mengapa anda perlu ke Pulau Pinang.

"Antara yang disebutkan ialah kesenian moden elektisisme, seni mempertahankan diri (silambam), teater patung tangan yang menjadi tradisi suku Hokkien, pusat peranginan Bukit Bendera dan '*Hungry Ghosts*' yang menjadi ritual pada bulan ketujuh mengikut kalendar Lunar," jelasnya.

Artikel bertajuk '*9 reasons to visit Penang that have nothing to do with street food*' oleh Marco Ferrarese itu diterbitkan secara atas talian di *CNN.com* pada 14 Februari 2017.

# Pesta Ponggal MPSP meriah



PROF. Dr. P. Ramasamy (berkemeja kelabu) dan barisan Ahli Majlis MPSP memerhatikan beberapa kakitangan MPSP yang terdiri daripada pelbagai bangsa memasak nasi ponggal pada sambutan Pesta Ponggal MPSP di sini baru-baru ini.

Oleh : **DARWINA MOHD. DAUD**
Gambar : **ADUN**

**BAGAN DALAM** - Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy ingin melihat lebih ramai mereka yang berketurunan India menyertai sektor perkhidmatan awam, terutamanya di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini.

Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi & Inovasi berkata demikian ketika hadir merasmikan Pesta Ponggal Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini.

"Saya lihat, sejak 2008, terdapat peningkatan mereka yang berketurunan India menyertai MPSP dan saya mahu angka tersebut bertambah lagi," serunya yang turut beramah-mesra dengan para kakitangan MPSP yang mengambil bahagian dalam sambutan berkaitan.

Turut hadir, Ahli Majlis bagi MPSP, P. David Marshel, M. Satees dan Dr. Amar Pritpal Abdullah.

Selain mereka yang berketurunan India, turut serta adalah kakitangan berbilang bangsa dan latar belakang.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang penganjuran berkaitan termasuk memasak nasi ponggal, melukis kolam dan cabutan bertuah.

# Cukai pintu, bayar setahun layak sertai cabutan bertuah




PATAHIYAH Ismail (tiga dari kanan), Ar. Yew Tung Seang (kanan sekali) dan barisan Ahli Majlis MBPP meneliti maklumat dipapar pada banting promosi bayaran cukai pintu setahun oleh pihak berkuasa tempatan berkaitan di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Sehingga 24 Januari lalu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyita 15 rumah yang didapati gagal melunaskan tunggakan cukai taksiran.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail berkata, tindakan sitaan akan dipergiatkan tahun ini terhadap mereka yang mempunyai dua kali tunggakan dan seterusnya.

"Kita menjangkakan lebih banyak sitaan akan dijalankan tahun ini. Jika mereka gagal membayar cukai yang sepatutnya, pihak Majlis tidak akan teragak-agak untuk membuat sitaan terhadap harta mudah alih.

"Mengikut rekod, kutipan cukai taksiran yang dikumpul bagi tahun 2016 adalah berjumlah RM210 juta dan sebanyak 70,000 notis tunggakan dikeluarkan melibatkan nilai RM60 juta," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ar. Yew Tung Seang; Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan, Joseph Ng Soon Siang; Ahli-ahli Majlis MBPP dan Pengarah Perbendaharaan MBPP, Suhaida Kamalul Ariffin.

Menurut Patahiyah, tahun ini, MBPP menyasarkan kutipan cukai taksiran sebanyak RM216 juta, selepas mengambil kira pelepasan cukai untuk pegangan kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) sebagaimana diumumkan Ketua Menteri pada ucapan Belanjawan Pulau Pinang 2017 tahun lalu.

"Untuk tahun ini, MBPP di bawah Kerajaan Negeri turut berbesar hati meneruskan pelepasan cukai taksiran untuk KR, KSR dan rumah kampung.

"Manakala, rebat 6 peratus akan diberikan kepada semua pegangan berkadar di Pulau Pinang menjadikan keseluruhan kos pelepasan dan rebat mencecah RM20 juta tahun ini," jelas beliau.

Pada 2016, rebat yang sama turut diberikan kepada unit-unit KR, KSR dan rumah kampung melibatkan pengecualian yang ditanggung MBPP berjumlah RM8 juta.

Oleh itu, Patahiyah menasihatkan supaya pemilik rumah dan premis supaya membuat pembayaran dalam tempoh ditetapkan bagi mengelak sebarang notis dikenakan.

"Malah, pemilik turut digalakkan untuk membayar cukai setahun bagi melayakkan mereka tersenarai di dalam senarai cabutan bertuah membabitkan hadiah bernilai lebih RM25,000," ujarnya.

Antara hadiah cabutan bertuah yang disediakan ialah 18 buah basikal dan baucer tunai (82).



# Segera bayar tunggakan cukai taksiran elak risiko sita, lelongan hartanah - YDP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



MAIMUNAH Mohd. Sharif berjabat tangan dengan Ahli Majlis MPSP baru dilantik, K. Kumar selepas selesai Mesyuarat Majlis Penuh MPSP di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan mengambil langkah menyita hatta lelongan hartanah mereka yang gagal melangsaikan tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2017.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan bagi tahun ini akan membuat serahan kira-kira 15,000 waran tahanan, dengan sasaran jumlah kutipan tunggakan sebanyak RM13 juta.

"Pelbagai program kita (MPSP) rancang dan laksanakan seperti usaha memberi pendidikan dan kesedaran, antaranya memanjangkan tempoh promosi pembayaran serta membawa kaunter bergerak kita terus kepada pelanggan.

"MPSP akan mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) termasuk tindakan penyitaan, tindakan perundangan seperti saman pemiutang, (pengisytiharan) muflis atau pengggulungan syarikat atau lelongan hartanah," tegasnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud serta barisan ahli majlis PBT berkenaan.

Justeru, beliau berharap semua pemilik atau penyewa premis berkenaan diharap segera menjelaskan tunggakan berwajib, demi mengelak langkah penguatkuasaan lanjut daripada MPSP.

Tambah Maimunah, MPSP bagi tahun 2016 berjaya memungut kutipan tunggakan sejumlah RM15.53 juta, berbanding sasaran ditetapkan iaitu sebanyak RM13 juta.

"Jumlah tunggakan terkumpul MPSP bagi tahun 2015 pula sebanyak RM20.64 juta, manakala, jumlah tunggakan bagi tahun 2016 masih dalam proses penutupan akaun," jelas beliau.

## YDP umum dasar pembaharuan lesen bertempoh hingga tiga tahun

**GEORGE TOWN** - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melaksanakan dasar pembaharuan lesen bertempoh sehingga tiga tahun, demi membantu mereka yang sebelum ini dikenal pasti melaksanakan aktiviti perniagaan tanpa lesen.

Mengulas lanjut, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan turut bersetuju mengenakan bayaran kadar lesen dua kali ganda daripada kadar asal, seperti Jadual Undang-Undang Bayaran Lesen, MPSP 1980 bagi kelulusan lesen secara bertempoh.

"Kelulusan lesen secara bertempoh juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

"Sehingga kini, terdapat 304 permohonan lesen yang telah diberikan kelulusan lesen secara bertempoh oleh Majlis," jelasnya selepas mempengerusikan Majlis Mesyuarat Penuh di sini baru-baru ini.

Setiausaha Majlis MPSP, Sr. Rozali Mohamud pada sidang media sama memberitahu bahawa pemohon lesen secara bertempoh disyaratkan mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) dan Pelan Bangunan (PB).

Satu lagi syarat kelulusan pemberian lesen bertempoh, jelasnya, adalah pihak syarikat atau pengusaha perniagaan perlu mengemukakan pelan lokasi aktiviti perniagaan yang hendak dilaksanakan.

Tambah Rozali, MPSP pada 23 Mac tahun lalu mengumumkan pelaksanaan dasar kadar lesen dua kali ganda serta menetapkan kekerapan maksimum pembaharuan lesen bagi lesen bertempoh sehingga tiga tahun.

Susulan itu, menurut Rozali, MPSP pada 20 Julai tahun lepas menganjurkan majlis taklimat berkaitan kaedah-kaedah permohonan lesen secara bertempoh kepada para pengusaha kilang tidak berlesen yang tersenarai dalam Program Pemutihan Kilang.

"Tiada lagi moratorium (langkah pergantungan penguatkuasaan berwajib atas persetujuan bersama antara MPSP dan para pengusaha kilang tidak berlesen), kerana kita telah pun memberikan masa yang cukup serta menganjurkan majlis taklimat melalui Program Pemutihan Kilang, sebelum ini," respons beliau.

## BFF kembali, proposal dialu-alukan

**SEBERANG JAYA** - Festival Pinggiran Butterworth (BFF) 2017 yang dijadualkan berlangsung pada 12 dan 13 Ogos ini di Jalan Jeti Lama, Butterworth sudah pasti menggamit kembali kenangan penduduk tempatan awal pada peranan Bagan suatu masa dahulu sebagai pusat maritin serta pekan perdagangan yang penting di negeri ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap penganjuran festival yang masuk tahun ketiga sejak 2015 berkaitan mampu menggamit pengiktirafan dunia, serta menggandakan jumlah kehadiran pelancong asing dan pengunjung tempatan ke Pulau Pinang pada tahun ini.

"Jangan ada keraguan, *Butterworth Fringe Festival* (BFF) adalah festival bertaraf antarabangsa," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Sharif, Setiausaha Majlisnya, Sr. Rozali Mohamud, barisan ahli majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan, Pengarah Penganjur BFF 2017, Joe Sidek dan Pengarah Program Butterworth Baharu langsung di bawah syarikat Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity), R. Murali.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang berharap festival tahunan antarabangsa di bahagian Seberang Perai tersebut mampu dijadikan platform khas untuk melonjak imej Butterworth sebagai hab budaya, kreatif dan inovatif serantau.

"BFF 2017 juga diharap mampu mempromosikan budaya tempatan dengan membawa kelainan dalam mempersembahkan budaya antarabangsa yang membawa konsep '*Free + Fun + Street Festival*' bagi tahun 2017," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Sebelum itu, Maimunah dalam kenyataannya memberitahu, BFF merupakan salah satu projek kolaborasi dua hala antara MPSP dan ThinkCity, ke arah memangkin pertumbuhan semula bandar Butterworth.

Beliau sekali lagi menjelaskan bahawa pihaknya berharap BFF mampu mempopularkan sekitar kawasan Jalan Jeti Lama setanding dengan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town suatu hari nanti.

Dalam perkembangan berkaitan, Joe Sidek berkata, BFF 2017 masih mengalu-alukan proposal acara berwajib sehingga tarikh akhir pada 31 Mac ini, untuk dipertimbangkan serta dimasukkan dalam festival kali ini.

Layari laman web *georgetownfestival.com/bff2017* untuk mendapatkan informasi lanjut mengenai festival berkenaan serta hubungi 04 – 261 6308 atau emel, *info@georgetownfestival.com* untuk urusan penghantaran proposal acara.

# Majlis rumah terbuka, peluang dekati rakyat berbilang bangsa

Teks & Gambar : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SEBERANG JAYA -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin menyifatkan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Parlimen Permatang Pauh yang diadakan baru-baru ini umumnya membuka peluang kepada barisan kepimpinan untuk mendekati rakyat berbilang bangsa di sini.

Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan berkata, meskipun tahun ini disambut secara sederhana, namun penganjuran majlis berkaitan tetap meriah.

"Mana tidaknya, tahun ini merupakan julung kali ia dianjurkan secara bersama melibatkan tiga KADUN (kawasan Dewan Undangan Negeri) iaitu, Seberang Jaya, Penanti dan Permatang Pasir di bawah Parlimen Permatang Pauh.

"Malah, jika lihat kepada kehadiran pengunjung hari ini (5 Februari), bukan sahaja mereka yang berketurunan Cina, malah lain-lain bangsa turut sama memeriahkan majlis ini," ucapnya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Menjadi tumpuan kira-kira 1,000 hadirin yang hadir ialah Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Turut hadir, ADUN Bukit Tambun yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri; ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon; ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin dan ADUN Permatang Pasir, Dato' Salleh Man.

Hadir sama, ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen; ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng; Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman; Ahli Parlimen Batu, Tian Chua serta wakil-wakil kepimpinan parti Pakatan Harapan (PH).



Dr. Wan Azizah Wan Ismail (bertudung merah jambu) dan barisan kepimpinan menyempurnakan upacara *lor sang* sempena Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Peringkat Parlimen Permatang Pauh di sini baru-baru ini.

## Semai minat Bahasa Inggeris, ADUN taja buku kanak-kanak



MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kanan), Zairil Khir Johari (kanan sekali) dan barisan penaja meneliti bahan-bahan bacaan yang disumbangkan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

**TAJAAN BUKU...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menaja sumbangan buku kepada 30 kanak-kanak di Kawasan Dewan Undangan Negerinya (KADUN) sebagai usaha mengukuhkan asas penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan berkaitan baru-baru ini.

Mohd. Rashid yang juga Timbalan Ketua Menteri I berkata, sumbangan berkenaan adalah usaha penting yang bakal memberi impak besar terhadap golongan kanak-kanak berkaitan pada aspek penguasaan Bahasa Inggeris.

"Selain memupuk minat mereka (kanak-kanak), ia juga diharap dapat memenuhi masa senggang mereka dan sekaligus meningkatkan penguasaan terhadap bahasa antarabangsa tersebut," ujarnya pada majlis penyerarahan sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

## Pendekatan dampingi rakyat perlu diteruskan – Ramasamy

**PERAI –** Pendekatan mendampingi rakyat perlu terus dipraktikkan tanpa mengira sama ada barisan kepimpinan negeri mahupun di peringkat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK).

Timbalan Ketua Menteri II yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, pendekatan tersebut mampu memberi kesan yang besar agar hubungan antara JKKK dan penduduk setempat erat.

"Suka saya sampaikan di sini, JKKK yang dilantik adalah duta kecil Kerajaan Negeri sekaligus membawa imej pentadbiran negeri.

"JKKK bukan dilantik untuk memenuhi kuota, sebaliknya bagi mendampingi rakyat, menyantuni mereka setiap masa.

"Atas dasar itu, tugas sebagai JKKK adalah besar, iaitu perlu mengorbankan tenaga dan masa demi memantapkan lagi hubungan antara pemimpin serta rakyat," katanya pada Program Kejiranan Sepakat Memupuk Perpaduan anjuran Biro Wanita JKKK Perai bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini.

Pelbagai acara menarik diatur sepanjang berlangsungnya program berkaitan termasuk senaman aerobik, pertandingan mewarna, kempen derma darah dan jualan amal.



SEBAHAGIAN kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam salah satu acara bersempena penganjuran Program Kejiranan Sepakat Memupuk Perpaduan di sini baru-baru ini.

# P. Pinang lebih Hijau, Bersih, Sihat & Selamat, Pekerja Am MBPP dirai

Gambar : **LAW SUUN TING**

**PENGHARGAAN...** Seramai 10 Pekerja Am Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) diraikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam Majlis Sambutan Perayaan Gong Xi Fa Cai 2017 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih baru-baru ini.

"Tanpa mereka (Pekerja Am), tidak mungkin Pulau Pinang kini lebih Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat sebagaimana kita nikmati hari ini," ujar Guan Eng merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih sambil menyampaikan sijil penghargaan dan angpau kepada pihak-pihak berkaitan di sini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; ADUN Air Itam, Wong Hon Wai, Yeoh Soon Hin (ADUN Paya Terubong) dan Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera).

Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang dan Ahli Majlis bagi MBPP, Joseph Ng Soon Siang turut serta dalam majlis yang dihadiri kira-kira 1,000 hadirin terdiri daripada penduduk setempat dan jemputan khas.



**KETUA Menteri menyampaikan sijil penghargaan dan angpau kepada salah seorang Pekerja Am Jabatan Perkhidmatan MBPP pada Majlis Sambutan Perayaan Gong Xi Fa Cai 2017 KADUN Air Putih di sini baru-baru ini.**

## Projek Rangkaian Paip Pembentungan jangka manfaat hampir 650,000 penduduk



**SIM Tze Tzin (berkemeja putih), Ahli-ahli Majlis MBPP dan pihak-pihak berkaitan ketika meninjau kerja-kerja pengorekan bagi pelaksanaan Projek Rangkaian Paip Pembentungan dan Projek Loji Rawatan Kumbahan di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BAYAN LEPAS –** Projek Rangkaian Paip Pembentungan dan Projek Loji Rawatan Kumbahan bernilai RM400 juta di Bayan Baru dijangka bakal memberi manfaat kepada 650,000 penduduk di sini.

Projek yang dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2018 tersebut dijangka mampu menampung 650,000 kesetaraan penduduk (PE) iaitu anggaran penggunaan kemudahan pembentungan menjelang 2035.

Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin berkata, projek oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP), agensi di bawah KeTTHA (Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air) itu kini dalam proses pembinaan membabitkan kerja-kerja pemasangan paip bawah tanah sepanjang kira-kira 18 kilometer (km).

"Projek paip pembentungan dan loji rawatan ini dibina dengan teknologi moden yang berupaya meningkatkan liputan perkhidmatan sistem pembentungan secara lebih bersepadu.

"Malah, projek ini dijangka dapat memberi keselesaan kepada penduduk setempat dengan mengurangkan pencemaran bau terutamanya di kawasan perumahan," ujarnya ketika melakukan lawatan ke kawasan berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Kumaresan serta Gan Ay Ling dan Zainuddin Mohd. Shariff (Jurutera Lalulintas dan Pengangkutan Awam MBPP).

Ekoran keadaan projek dijalankan secara berperingkat dan mengambil tempoh yang agak lama, Tze Tzin meminta penduduk setempat supaya memberi kerjasama dan mengikut arahan lalu lintas alternatif yang disediakan pihak berkaitan bagi membolehkan projek tersebut siap mengikut jadual.

## Tahun Ayam disambut meriah di KADUN Pantai Jerejak

**MUHIBAH...** Perbezaan agama dan bangsa tidak menghalang kira-kira 1,000 penduduk sekitar Pantai Jerejak meraikan Majlis Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina anjuran Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Dato' Mohd. Rashid Hasnon baru-baru ini.

Padang Awam Taman Sri Nibong di sini menjadi saksi kemeriahan sambutan Tahun Ayam tersebut yang turut diisi dengan pelbagai program seperti pameran, acara memanah, menunggang kuda, teknik menulis kaligrafi masyarakat Cina dan pameran jentera Bomba.

Seperti majlis rumah terbuka Aidilfitri, Deepavali atau Krismas, pengunjung yang hadir tidak kekok duduk bersama-sama bagi menikmati aneka makanan masyarakat Malaysia yang dihidangkan, berbual mesra, bergurau senda, malah tidak lupa mengambil gambar kenangan sebelum pulang.

Hadir sebagai tetamu kehormat, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Selain persembahan tarian singa yang sinonim dengan sambutan Tahun Baru Cina, antara acara menarik yang mencuri perhatian pengunjung ialah apabila Mohd. Rashid mencuba untuk menulis namanya menggunakan kaligrafi Cina.



**MOHD. Rashid Hasnon merakam gambar kenangan bersama-sama pengunjung cilik di samping kostum tarian singa bersempena penganjuran Majlis Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baru Cina ADUN Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.**

# *Penang Hot Air Balloon Fiesta 2017* memberangsangkan, jumpa lagi tahun depan!



**KECANTIKAN belon-belon udara panas berlatarbelakangkan persembahan bunga api pada malam pelancaran.**

**TUAN Yang Di-Pertua Negeri, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri bersama-sama Ketua Menteri serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri melancarkan penganjuran *Penang Hot Air Balloon Fiesta 2017* di sini baru-baru ini.**

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** - Penganjuran *Penang Hot Air Ballon Fiesta 2017* pada 4 - 5 Februari baru-baru ini cukup memberangsangkan dengan kehadiran lebih 170,000 pengunjung.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkan menzahirkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran kali ketiga berkaitan.

"Saya menerima laporan awal daripada pihak penganjur yang menyatakan bahawa sejumlah 170,000 pengunjung mengunjungi fiesta ini dengan hari pertama mencatat kehadiran pengunjung tiga kali ganda lebih berbanding tahun lalu.

"Sungguhpun terdapat beberapa pihak dari MCA dan badan bukan kerajaan (NGO) tampil membantah sebelum penganjurannya, namun ia tetap berjaya dilaksanakan tanpa sebarang kesesakan lalu lintas yang luar biasa," ujarnya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif AKA Balloon Sdn. Bhd., Nur Izzati Khairudin selaku penganjur utama; Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism (PGT), Ooi Chok Yan; Pengarah Penguatkuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Mohd. Feroze Md. Noor dan wakil Rela bagi Daerah Timur Laut.

Tambah Guan Eng, beliau berharap agar *Penang Hot Air Ballon Fiesta* dapat diadakan lagi buat tahun keempat nanti.

"Terima kasih kepada semua dan jumpa lagi tahun hadapan," ujarnya yang ternyata gembira dengan penganjuran tahun ini.

Dalam pada itu, Nur Izzati memberitahu, pihaknya teruja apabila jumlah kehadiran pengunjung meningkat berbanding tahun lalu.

Malah, katanya, fiesta dua hari itu berlangsung dengan lancar.

"Tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang membantu melancarkan penganjuran tahun ini, terutamanya kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), polis dan pasukan Rela (di bawah Jabatan Sukarelawan Malaysia) yang bertugas sepanjang penganjuran.

"Bagi pihak penganjur, kami telah menyediakan segala kemudahan yang mungkin termasuk bas ulang alik percuma dan *Uber* (perkhidmatan pengangkutan) serta ruang parkir yang mencukupi demi keselamatan pengunjung," ujarnya.

Bagi Mohd. Feroze, beliau menyatakan bahawa, sepanjang tempoh penganjuran, sebanyak 14 kenderaan telah ditunda kerana 'betul-betul' menghalang lalu lintas.

"Selain dari kenderaan yang ditunda, pihak Penguatkuasaan MBPP tidak menerima apa-apa rungutan berhubung lalu lintas di kawasan penganjuran.

"Malah, pihak kami (MBPP) turut membantu pihak hospital (Hospital Pulau Pinang, HPP) bagi kelancaran ambulans. Selain itu, tiada sebarang kesesakan lalu lintas yang luar biasa berlaku," jelasnya yang turut berterima kasih kepada pengguna jalan raya kerana mematuhi arahan pihak berkuasa.

*Penang Hot Air Balloon Fiesta 2017* dianjurkan oleh AKA Balloon Sdn. Bhd. dan disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MBPP, PGT dan TLM Event serta ditaja oleh IJM Land Berhad.



**RUPA bentuk belon udara panas di awan biru.**



**PARA pengunjung tidak melepaskan peluang bergambar di sudut pameran belon udara panas mini yang diadakan serentak dengan acara utama.**



**PARA peserta berusaha menaikkan belon panas di Padang Awam Jawi pada majlis promosi yang diadakan sehari sebelum berlangsungnya acara utama.**